# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 42 | RABU 21HB OKTOBER, 1981. | رابو 22 ذوالحجة 1401 | PERCHUMA


# D.Y.M.M. BERANGKAT KA-JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah meneruskan lagi siri lawatan Baginda ka-Jabatan2 kerajaan. Pada hari Khamis, 15hb. Oktober yang lalu, Baginda Yang Dipertuan berangkat ka-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka untok meninjau kegiatan2 jabatan tersebut.

### DI-ALU2KAN

Turut serta dalam lawatan itu ia-lah Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ka-Jabatan tersebut telah di-alu2kan oleh YAB Pmk Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz; YB Pmk Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd. Rahman, Penasehat kapada Pengarah DBP, YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri dan Pengarah DBP, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani.

Sa-jurus sa-lepas itu, Baginda Yang Dipertuan di-junjong ka-Tingkat 5 bangunan tersebut bagi mengikuti sembah taklimat oleh Penasehat kapada Pengarah DBP dan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

### TAKLIMAT

Sa-telah mengikuti sembah taklimat, Baginda Yang Dipertuan di-junjong berangkat ka-14 bahagian jabatan tersebut termasok ka-bahagian pentadbiran Majlis Pelajaran.

Sa-belum mengakhiri keberangkatan Baginda, Baginda Yang Dipertuan juga di-junjong berangkat menyaksikan Van Perpustakaan Bergerak yang di-letakkan di-bawah bangunan tersebut.

Keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ka-Jabatan tersebut berakhir kira2 jam 11.30 pagi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mendengar penerangan YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri mengenai bentok rupa muka bumi Negeri Brunei, sambil di-perhatikan oleh Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM dan Y.A.B. Pemangku Menteri Besar.

## Jurulateh tarian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengundang sa-orang jurulateh tarian dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sokan Negeri Sarawak bagi memperkemaskan dan membisaikan lagi tarian2 Melayu.

Beliau ia-lah Awang Zamudin bin Mat, yang telah di-tempatkan di-Bahagian Kebudayaan Dewan Bahasa dan Pustaka sa-lama tiga bulan.

Beliau telah tiba di-negeri ini pada hari Ahad, 18hb. Oktober lepas.

## D.Y.M.M. berangkat ka-Majlis Keshukoran

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat berchemarduli ka-Majlis Jamuan Keshukoran sempena puja usia Baginda yang ke-35 tahun yang di-anjorkan oleh Pasokan Pulis Diraja Brunei. Majlis tersebut di-adakan di-Mess Pegawai Pulis di-Ibu Pejabat Pulis Gadong pada malam Khamis yang lalu.

Turut berangkat ka-Majlis tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain2 Kerabat Diraja.

Gambar bawah menunjokkan Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya menyembahkan minum uchapan selamat kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan. Di-sebelah kanan ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.



## Kelulusan dalam bidang sains berguna kpd pembangunan negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad menegaskan hampir 75 peratus kursus2 yang di-tawarkan oleh Bahagian Dermasiswa, Jabatan Pelajaran kapada raayat Brunei ada-lah kursus2 yang menghendaki kelulusan sains samada di-perengkat biasa dan lanjutan.

Pengutamaan kelulusan ini, kata-nya, memandangkan pekerjaan dalam dunia perubatan, pendidekan, pertanian, pentadbiran, kejuruteraan dan lain2 lagi semua-nya menghendaki pengetahuan ilmu sains.

Sa-masa beruchap di-majlis penyampaian hadiah2 dan sijil2 bagi Pertandingan Projek Sains kali ke-empat anjoran Persatuan Pendidekan Sains Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad menambah kata, mempunyai pengetahuan dan fahaman yang baik dalam prinsip2 sains sangat berguna terutama bagi negara kita yang sedang membangun ini.

### SANGAT BERGUNA

Oleh kerana itu, beliau telah menyarankan pada pehak2 yang berkenaan supaya mutu pengetahuan dan fahaman dalam ilmu ini di-baiki lagi memandangkan ia-nya sangat berguna kapada pembangunan negara.

Untok mempertinggikan lagi pelajaran sains di-sekolah2 terutama di-sekolah2 rendah, Pengarah Pelajaran itu mengingatkan kapada guru2 sains supaya mengambil perhatian yang penoh terhadap teknik pengajaran yang mereka gunakan, penggunaan alat2 pengajar, sikap mereka serta kechenderongan penuntut2.

Tetapi untok sentiasa "up to date" dengan perkara2 ini, beliau telah menerangkan chara untok menchari pengalaman dan pengetahuan ini, guru2 boleh mendapati-nya dari buku2 atau pun dari persatuan2 yang berkaitan saperti Persatuan Pendidekan Sains Brunei ini," kata-nya lagi.

Di-samping itu juga beliau menyeru guru2 sains supaya menggunakan peluang yang ada ini untok menyertai dengan lebeh aktif lagi akan aktiviti2 yang di-usahakan oleh persatuan ini.

"Sa-lain dari melipat-gandakan usaha untok memperbaiki teknik pengajaran guru," terang-nya, "Usaha untok menarek minat dan menanam asas yang baik dalam pelajaran sains terutama di-perengkat persekolahan rendah mesti-lah juga di-beri perhatian."

Kerana dengan mempunyai pelajaran asas, menurut-nya penuntut2 di-perengkat persekolahan rendah tidak akan merasa takut di-perengkat menengah bila menghadapi pelajaran tentang konsep2 dan fakta2 yang 'komplikated'.

Lihat muka 20

## Ikuti kursus di-Oxford

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang lagi Pegawai Pentadbir di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik telah berlepas ka-United Kingdom untok mengikuti kursus dalam hal ehwal diplomatik.

Beliau ia-lah Awang Saji bin Mudin. Awang Saji akan mengikuti kursus tersebut di-Universiti Oxford sa-lama sa-tahun.

## Manis-nya Iman

"SIAPA yang sentiasa beristighfar Allah memberi-nya jalan keluar dari kesempitan dan kemurongan serta memberi-nya rezeki yang tidak di-duga-nya." — HADITH Nabi (Durratun Nasehin).

**Pelita Brunei**
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

21HB OKTOBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## TENTANG SULIT LAGI RAHSIA

SOAL betapa perlu-nya kita sa-bagai kakitangan kerajaan sentiasa bersifat tegoh lagi amanah dalam menyimpan apa jua perkara yang berhubongan dengan urus-tadbir2 kerajaan yang di-kategorikan sa-bagai SULIT dan RAHSIA ada-lah satu perkara yang amat penting dan merupakan satu kemestian. Satiap kakitangan kerajaan itu ada-lah tertaklok pada peratoran2 am dan undang2 negara yang berkuat-kuasa. Atas alasan2 demikian itu di-tekankan bahawa kegagalan pada menyempurnakan-nya bererti kerugian-lah yang akan menimpa, bukan sahaja pada diri pelaku-nya, malah kapada semua pehak dan reputasi negara.

Menyedari kerugian besar yang mungkin di-terima dari perbuatan TUMPIS mulut itu saperti yang di-tekankan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Peguam Negara Brunei, di-majlis penyampaian sijil2 penghargaan kapada penyelia2 dan penemu-duga2 banchi perumahan dan pendudok baru2 ini sa-bagai 'boleh merosakkan nama baik sa-seorang pegawai dan nama baik kerajaan'. Maka tiada lain hukuman yang wajar di-kenakan ka-atas mereka yang kurang amanah itu ia-lah dengan mengambil tindakan2 yang bukan sahaja dari segi tata-tertib, malah juga dari sudut jenayah.

Pembochoran rahsia2 dan perkara2 sulit kerajaan ada-lah satu kechurangan yang boleh mengakibatkan berbagai isu yang merosakkan keadaan harmoni negara sa-lain dari boleh merosakkan imej pentadbiran kerajaan sama ada dari segi pandangan dalam negeri mahu pun sa-balek-nya. Membentok dan mengujudkan sa-buah kerajaan yang efishen lagi efektif, saperti yang di-jelaskan oleh Yang Berhormat Peguam Negara itu, ia-lah kerajaan yang mempunyai pentadbiran yang boleh bergerak chergas dan bebas dari apa jua pengaroh yang mana matalamat-nya tidak akan terchapai jika dalam kerajaan itu sendiri terdapat pegawai2 dan kakitangan yang tidak amanah dan suka membochorkan rahsia.

Menilai apa bentok perkara yang di-kategorikan sa-bagai SULIT dan RAHSIA itu yang perlu di-jaga rapi tidak payah rasa-nya di-jelaskan lebeh jauh, chukop kalau kita katakan sa-bagaimana perambaan orang2 kitani 'hal2 pejabat jangan di-bawa2 ka-rumah' ada-lah menchukopi kita maknakan, bahawa sa-tiap apa jua yang SULIT atau RAHSIA itu jangan-lah sampai "di-kulipitkan" dalam bakurapak kita dengan keluarga, apa lagi dengan sahabat handai di-kedai2 kopi.

Jadikan-lah pertanggongan tugas yang di-bebankan di-pejabat2 itu sa-umpama kita 'menatang minyak yang penoh'.

## Kakitangan Kerajaan di-ingatkan:

# JANGAN BOCHORKAN RAHSIA KERAJAAN KAPADA PEHAK2 YANG TIDAK BERKENAAN

**BERIKUT ia-lah sabda Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg Haji Abas, di-Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan bagi Penyelia2 Banchi Pendudok dan Perumahan pada 7hb Oktober yang lalu.**

TERLEBEH dahulu saya ingin menguchapkan berbanyak terima kaseh atas penghormatan yang di-berikan kapada saya pada pagi ini untok menyampaikan sa-patah dua kata dan sa-terus-nya menyampaikan sijil2 penghargaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-atas penyertaan Awang2 samada dalam banchi perumahan atau dalam banchi pendudok atau kedua-dua-nya sakali.

Sa-bagaimana yang Awang2 telah alami perlaksanaan banchi ini bukan-lah satu perkara yang mudah dan boleh di-pandang rengan. Ia-nya memerlukan tumpuan perhatian dan masa Awang2 sapenoh-nya baik sa-masa menjalani latehan atau sa-masa menjalankan penemudugaan yang sebenar-nya.

### MEMPASTIKAN

Di-dalam masa latehan banyak pengertian2 dan istilah2 yang perlu di-fahami terutama sa-kali pada mempastikan bahawa banchi ini akan di-jalankan menurut kehendak2 Pejabat Perangkaan Bangsa-bangsa Bersatu. Sa-masa menjalankan pembanchian yang sebenar-nya terdapat berbagai-bagai chabaran yang merupakan kesulitan2 kemanusiaan dan keadaan sekitar yang di-hadapi yang mana terpaksa di-atasi. Kesulitan2 ini ada-lah benar2 menghendaki dan menguji kebajiksanaan serta kesabaran dan daya ikhtiar Awang2.

Oleh yang demikian kejayaan dalam melaksanakan banchi ini ada-lah sudah sememang-nya suatu perkara yang harus di-banggakan. Apa-tah lagi mengingatkan bahawa satiap keterangan dan data yang di-kumpolkan mesti-lah tepat dan tidak saorang pun berada di-Brunei pada 25hb. Ogos itu patut tertinggal dari pemudugaan.

Saya juga telah di-fahamkan bahawa banchi perumahan dan pendudok yang di-jalankan pada tahun ini ada-lah merupakan pertama kali-nya di-laksanakan oleh anak2 tempatan keselurohan-nya dari perengkat rendah ka-perengkat atas. Sementara banchi yang terdahulu telah di-laksanakan sepenoh-nya atau sa-bahagian-nya dengan bantuan oleh pegawai2 yang di-pinjam dari luar negeri terutama-nya dari Bangsa-bangsa Bersatu.

### TANGGONGJAWAB

Kapada semua ahli jawatankuasa2 peranchangan dan penyelarasan pegawai2 kerajaan di-jabatan berkenaan, penyelia2 banchi serta penemuduga2, saya dengan sa-tulus ikhlas sukachita menyampaikan uchapan tahniah saya di-atas kejayaan ini.

*Banchi ini telah di-jalankan menurut sharat2 yang telah di-tentukan terutama sekali bagi mempastikan bahawa segala butir2 yang di-perolehi itu ada-lah di-sifatkan sa-bagai perkara rahsia dan sulit. Kapada Awang2 semua saya ingin mengingatkan bahawa sifat, butir2 dan keterangan2 banchi itu sa-bagai sulit tidak-lah berakhir dengan berakhir-nya majlis penyampaian sijil ini.*

*Keterangan2 dan data yang Awang perolehi itu tetap sifat-nya sa-bagai perkara sulit dan Awang2 hendak-lah menyimpan-nya sa-bagai perkara sulit dan rahsia dan tidak memaklomkan-nya kapada sa-siapa pun pada bila2 masa jua kechuali dengan kebenaran pegawai2 yang tertentu.*

Ada-lah di-sedari bahawa ini ada-lah tanggongjawab yang berat yang saya rasa perlu untok menyampaikan pesanan ini



**YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin menyampaikan sijil penghargaan kapada Awang Mohammad bin Haji Tahir.**

kapada Awang2 supaya dapat di-jadikan peringatan. Pada am-nya sifat menyimpan sa-suatu perkara sa-bagai sulit tidak-lah saharus-nya terbatas pada kerja2 yang berkaitan dengan banchi sahaja. Akan tetapi sa-bagai kakitangan kerajaan ada-lah perlu dan penting semua kerja2, keputusan2 dan rahsia2 kerajaan yang di-kendalikan sa-tiap hari itu tidak akan di-maklomkan kapada lain2 pehak yang tidak berkenaan sa-chara rasmi. Dan bisik-bisikan dengan sanak saudara dan kawan-kawan menchakapkan perkara2 negara di-kedai2 kopi boleh merosakkan nama baik sa-seorang pegawai dan nama baik kerajaan.

### SULIT DAN RAHSIA

*Sa-laku kakitangan kerajaan kita semua ada-lah tertaalok bukan sahaja pada peratoran2 am kerajaan tetapi juga undang2 negara yang berjalan kuat-kuasa-nya khas mengenai dengan perlu-nya kita sa-laku kakitangan kerajaan menyimpan perkara2 yang di-sifatkan sa-bagai sulit dan rahsia. Dari itu bukan saja tindakan tata-tertib dapat di-ambil terhadap mereka yang melanggar peratoran am kerajaan tetapi juga pendakwaan jenayah boleh di-ambil dalam keadaan2 tertentu.*

Kerajaan yang efektif dan efishen ia-lah kerajaan yang mempunyai pentadbiran yang boleh bergerak dengan chergas dan bebas daripada apa jua pengaroh yang mana matalamat itu tidak akan dapat di-chapai jika terdapat kebochoran rahsia dalam pentadbiran kerajaan yang berpuncha dari mereka yang kurang amanah.

Oleh yang demikian peranan Awang2 sa-bagai penyimpan rahsia2 yang telah di-amanahkan itu ada-lah merupakan satu peranan yang penting dalam membentok pentadbiran yang chergas dan efektif.

Akhir sekali saya sakali lagi sukachita menguchapkan tahniah kapada semua di-atas penyertaan di-dalam pelaksanaan banchi pada tahun ini dan menjadikan-nya satu banchi berjaya dari segi kesempurnaan dan ketetapan, keterangan2 dan data yang di-kumpolkan, tahniah dan terima kaseh.






# KENAIKAN GAJI 15 PERATUS BAGI KAKITANGAN SHELL

SERIA.—Kakitangan Teknik dan Pentadbiran Sharikat Minyak Shell Brunei akan menerima kenaikan gaji sa-banyak 15 peratus, di-kira mengikut rangkaian2 gaji masing2 pada ketika ini.

Persetujuan tersebut telah di-tanda-tangani dalam satu majlis di-antara pehak Sharikat Shell dengan Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei, baru2 ini.

Perjanjian bersama yang baru dan yang akan berjalan dalam masa tiga tahun itu akan berjalan kuat-kuasa-nya mulai pada 1hb Oktober, 1981 ini. Di-dalam perjanjian baru itu termasok juga perubahan2 tangga-gaji lama.

PERUBAHAN2 ALAUN

Sa-lain dari itu, perubahan2 mengenai alaun, bayaran2 penchen, chuti tahunan, chuti kahwin bagi pekerja2 yang belum kahwin dan chuti kelahiran anak pekerja2 juga akan di-perbaiki.

CHUTI AWAM

Semua chuti2 awam yang telah di-istibarkan sa-bagai hari2 kelepasan ada-lah di-akui. Dan berikutan dengan satu perjanjian bersama yang telah di-chapai itu, Sharikat Minyak Shell Brunei kini mengistiharkan hari kedua Hari Raya Haji dan Hari "Tinju" sa-bagai hari2 kelepasan bagi pekerja2 Sharikat.

Dalam satu kenyataan pehak Shell berkata bahawa dengan ada-nya alaun2 makan sa-bagai tambahan alaun pelaut, ia-nya menambahkan lagi satu keistimewaan bagi pekerja2 kapal di-laut.



KELIHATAN dalam gambar Awang Jan Schaapsmeerders, bagi pehak Sharikat Shell (kiri) dan Awang Semith Sabli, Yang Dipertua Kesatuan Sekerja Padang Minyak Brunei ketika menanda-tangani perjanjian bersama yang baru itu.

# Latehan keselamatan kapal tangki LNG

SERIA. — Latehan keselamatan yang melibatkan dua buah kapal tangki gas telah berjaya di-adakan dari Ahad hingga Selasa lalu. Latehan tersebut di-adakan di-perayeran Telok Brunei kira2 empat batu dari pantai. Latehan tersebut di-kendalikan oleh Shell Tankers yang mempunyai hubongan yang erat dengan pehak2 berkuasa Kerajaan Brunei Sharikat2 Sekutu Shell di-Brunei dan Jepun.

Latehan tersebut di-adakan bagi meneliti semua tindakan keselamatan yang perlu di-laksanakan sekira-nya sa-sebuah kapal tangki membawa bahan LNG sa-masa pelayaran-nya dalam kesusahan di-tengah2 lautan. Ia-nya melibatkan pemindahan satu kago LNG antara dua buah kapal tangki.

Pehak2 berkenaan bersependapat bahawa latehan itu memboktikan sa-suatu yang amat berharga, dengan jelas-nya menunjokkan beberapa teknik keselamatan yang di-perolehi lebeh menchukopi untok mengatasi satu2 kechemasan yang baru2 berlaku.

**GAMBAR atas menunjokkan dua buah kapal tangki Gas Chechair Asli "Genota" dan "Gastrana" sa-masa latehan sedang di-jalankan.**

# MINAT-NYA DALAM BIDANG PERTANIAN BAWA KEJAYAAN KAPADA AWANG AJI

AWANG Aji bin Ampal ia-lah sa-orang belia tanah ayer yang berazam untok sentiasa bergerak maju. Lima tahun kebelakangan ketika berumor 18 tahun beliau telah mengambil keputusan untok menjadi peladang penoh masa dan mendaftarkan diri memasoki latehan dua tahun bagi pengambilan pertama kursus peladang muda di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut. Sa-belum-nya beliau menuntut lima tahun di-Sekolah Menengah dan beroleh kelulusan Sijil Rendah Pelajaran Brunei.

Walau bagaimana pun, sa-telah meneruskan dua tahun di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, beliau mengambil keputusan untok tidak meneruskan pelajaran-nya dan berchadang untok menchari kerja untok membantu orang tua-nya. Untok mendudoki jawatan yang tinggi tidak-lah begitu mudah. Walau pun latehan di-bidang vokeshen di-bidang kejuruteraan ada di-tawarkan tetapi ini tidak menarek perhatian beliau.

Apabila kursus peladang muda pertama di-iklankan yang mana bertujuan untok memberi peluang kapada belia2 berdikari dan mengusahakan ladang pertanian dengan bantuan daripada kerajaan peluang ini tidak-lah sa-mudah itu untok di-lepaskan oleh beliau dengan begitu saja. Beliau lalu memohon dan mengikuti kursus tersebut pada bulan Januari 1976 yang mana mengkehendaki pelateh2 tinggal di-asrama.



AWANG Aji sedang menjalankan kerja membajak di-kawasan ladang sayor-nya.

IKUTI KURSUS

Walau bagaimana pun, keadaan di-dalam mengikuti kursus tersebut agak sukar sedikit dan terpaksa membuat penyesuaian di-dalam perengkat awal. Pada ketika itu alat2 kelengkapan asrama tidak-lah begitu lengkap saperti yang ada terdapat pada masa ini. Di-bahagian2 ladang bagi usahaan utama maseh di-dalam proses pembenaan, dan ini ada-lah di-sebabkan pusat ini sedang di-dalam kerja pembangunan dalam perengkat awal yang mana hasil daripada kerjasama gabongan di-antara Kerajaan Brunei dan Sharikat Minyak Shell Brunei, siapa dengan sukachita bersetuju untok menjadikan ladang sa-luas kira2 54 ekar yang pada mula-nya di-jadikan sa-bagai satu sumbangan penyiasatan perladangan keluarga, kapada sa-buah pusat Latehan Pertanian Sinaut.

Dalam masa dua tahun latehan di-pusat ini, Awg. Aji telah menjalani sa-tahun latehan dalam teori dan praktikal serta kerja ladang. Dalam tahun kedua beliau menjalani latehan kemahiran ladang yang mana akan dapat menambahkan kemahiran dan pengalaman dalam mengusahakan ladang beliau. Beliau telah memileh ternakan lembu sa-bagai usahaan utama dan di-ikuti oleh usaha2 kechilan yang mana termasok dalam sistem perladangan yang akan di-usahakan oleh beliau sendiri nanti. Ini bermakna di-dalam latehan tahun kedua, beliau menumpukan masa kira2 empat bulan dalam usahaan ternakan lembu di-bawah pengawasan pengawas ladang bahagian ternakan dan lapan bulan lebeh-nya di-bahagikan kapada usaha2 tambahan yang lain.



AWANG Aji sedang membekalkan ayer minum kapada anak2 ayam.

Kegiatan di-ladang menumpukan kegiatan tenaga buroh yang banyak walau pun kemahiran menggunakan jentera ladang, penjagaan ternakan, penggunaan baja, dan kimia di-pelajari di-tahun pertama, kesemua-nya di-pergunakan. Latehan kemahiran ladang di-jalankan lima hari sa-minggu dan di-beri tujoh hari sahaja sa-bagai chuti tahun kemahiran. Walau bagaimana pun, Awang Aji berkebolehan membuat chatetan2 harian ladang dan menghasilkan penilaian ekonomi di-bahagian usahaan utama sa-masa bekerja di-yunit tersebut. Segala chatetan tersebut bukan saja di-jadikan sa-bagai kegunaan penilaian tetapi sa-bagai satu sokongan yang memboktikan kebolehan beliau. Dengan latehan kemahiran di-dalam berbagai2 ujian objektif dan penilaian praktikal, Awg. Aji telah berjaya dengan chemerlang dan telah di-pileh sa-bagai pelateh terbaik di-sepanjang tahun 1976/78. Beliau dan pelateh2 yang lain telah menerima sijil2 mereka pada 2hb. Februari, 1978, yang mana di-sampaikan oleh Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei.

Lihat muka 12

# DASAR PELAJARAN UGAMA DI-NEGERI ISLAM – SUATU PANDANGAN

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

**PADA memberi pelajaran dan pengetahuan Islam kapada kanak-kanak dan belia-belia Islam hendak-lah di-perhatikan kehendak dan tujuan Islam pada meletakkan tanggong-jawab ka-atas sa-seorang mukallaf itu terhadap hukum2 Islam yang mesti di-pikul-nya dan mesti di-hadapi-nya bagi sa-panjang hayat-nya.**

### BAHAGIAN IV

### PERKARA2 YANG PATUT DI-BAHATHKAN

**Siri 101**

### 1. MENGAJI KOR'AN

MENGAJI Kor'an ada kala-nya fardhu 'ain dan ada kala-nya fardhu kifayah. Yang di-masksudkan dengan membacha Al-Kor'an Al-Karim ia-lah membacha-nya mengikut nas-nya dalam bahasa Arab. Ada pun membacha makna Al-Kor'an dengan tiada membacha nas-nya dalam bahasa Arab bukan-lah membacha Al-Kor'an nama-nya. Kalau membacha sa-takat makna-nya itu sa-mata2 tidak-lah di-namakan membacha Al-Kor'an dan kalau jua itu di-katakan membacha Al-Kor'an apa perbuatan tersebut ada-lah bid'ah dan sesat kerana Allah Ta'ala dan Rasul-Nya menyuroh membacha Al-Kor'an dan mengaji Al-Kor'an itu ia-lah dengan membacha-nya menurut lafadz-nya dalam bahasa Arab. Membacha Al-Kor'an dengan lafadz bahasa Arab-nya itu di-beri pahala pada membunyikan tiap2 huruf. Sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud : الم — Alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf (tiga huruf dapat tiga pahala). Sayugia di-ingat bahawa membacha Al-Kor'an dengan sa-mata2 membacha makna-nya sahaja itu ada-lah kelakuan orang Yahudi dan Nasrani pada membacha Injil dan Taurat.

CHARA membacha Al-Kor'an sa-chara makna-nya sahaja itu berlawan dengan ilmu pendidekan di-mana tujuan membacha Al-Kor'an itu ia-lah untok mengajak orang kapada Al-Kor'an sedang dalam masa yang sama di-galakan pula jangan membacha Al-Kor'an (dalam bahasa Arab-nya).

### 2. CHAMPOR ADOK ISLAM DAN BUKAN ISLAM

DALAM sekolah umom terdapat champor adok penuntut2 Islam dengan yang bukan Islam tua dan muda lelaki dan perempuan. Maka dasar pelajaran Islam hendak-lah menekankan didekan dan asohan lebeh dari chuma mengajar dan menyampaikan pengetahuan, kerana perkataan didekan dan asohan itu berbedza dari mengajar dari segi ilmu pendidekan dan juga dari segi ilmu dakwah. Ini hendak-lah diperhatikan oleh mereka yang membuat dasar sukatan pelajaran ugama Islam dalam sekolah2 umom rendah atau menengah atau tinggi.

### 3. LATEHAN GURU

PERKARA didekan dan asohan Islam hendak-lah di-tekankan dan di-utamakan di-maktab2 perguruan, kerana guru2 yang keluar dari maktab2 perguruan itu akan memimpin sekolah2 di-mana mereka bertugas kemudian.

### 4. SEKOLAH MISSION DAN CONVENT

BANYAK orang menghantar anak2-nya belajar di-sekolah2 mission dan convent di-negeri2 Islam, kata mereka sekolah2 demikian itu bagus, ada disiplin, pandai mengajar dan mengasoh dan kanak2 lelaki dan perempuan yang belajar di-situ maju dalam pelajaran mereka. Ini ada-lah satu dari tanda2 kelemahan bumiputera dan kerajaan2 Islam pada melaksanakan dasar pelajaran Islam di-dalam sekolah2-nya sa-hingga sa-olah2 sekolah2 kerajaan dan bumiputera itu serta guru2-nya tidak mendapat keperchayaan. Apa-kah ini menunjokkan tiada matalamat yang tegas bagi di-tuju untok guru2 dan maktab2 perguruan sa-lain dari mengajar dan memberi ilmu samada berjaya atau gagal tidak di-ambil kira kerana melepaskan tanggong-jawab rotin yang di-arahkan ?

MELIHAT keadaan begitu pemimpin Islam dan ahli2 pendidekan-nya tinggal mengeloh sedeh. Keadaan saperti ini sa-olah2 mereka putus asa dari rahmat Allah Ta'ala sedangkan putus asa itu ada-lah kufur sa-bagimana di-dalam mazhab orang2 Hanafi. Sepatut-nya bersifat dan bersemangat berani, berusaha, tiada bachol dan tiada buntu kepala dan dada, menchari jalan mengatasi sebab2 kemundoran pelajaran, didekan dan pelajaran di-sekolah2 kita orang Islam.

### 5. SIFAT PUTUS ASA

PUTUS asa atau menyerah kalah atau bachol bukan-lah sifat orang Islam sa-bagaimana di-kehendaki di-dalam Al-Kor'an. Pemimpin2 Islam dan ahli2 pendidekan-nya serta juga guru2 di-sekolah hendak-lah tidak bersifat sa-demikian, mereka tidak sepatut-nya mengeloh, menyerah nasib dan perkara mereka pada apa yang ada sahaja dan mendiamkan diri dengan tiada mahu bersemangat dan berusaha pada membaiki keadaan pelajaran, didekan serta asohan yang di-berikan kapada anak2 dan belia2 Islam di-sekolah2.

PERLU di-ingat sifat putus asa dan menyerah kalah itu chuma ada pada umat2 yang di-jajah dahulu dan sekarang sa-hingga mereka meniru apa saja dan lemah dari menchipta sa-suatu yang baharu.

SIFAT putus asa dan menyerah kalah itu sayugia-lah di-hapuskan dari jiwa guru2 dalam menghadapi sa-suatu di-sekolah dan sayugia-lah di-tanam semangat berani, berusaha, semangat menchipta dan suka membuat sa-suatu yang berfaedah kapada pelajaran, kapada sekolah dan kapada murid2 serta belia2 Islam menurut landasan budi bichara, akal yang waras dan ajaran ugama Islam di-semua perengkat persekolahan dan pendidekan.

### 6. KESESAKAN MASA

BERHUBONG dengan kesesakan masa dan waktu ada-lah sa-suatu perkara yang boleh di-pinda dan di-ubah suai, maka tiada-lah menjadi alasan bagi sa-siapa untok membuang mata2 pelajaran yang mustahak dan penting dari sukatan pelajaran ugama dan dari dasar pelajaran ugama.

### 7. LANJUTAN MENGENAI SEKOLAH2 MISSION DAN CONVENT

SEKOLAH2 mission dan convent itu ada mempunyai matalamat dan tujuan ia-itu mengembangkan ajaran Keristian dan kebudayaan Keristian dengan berbagai-bagai jalan saperti perkhidmatan hospital, kelab2, majlis2 perhimpunan dan saperti derma serta ehsan kapada fakir miskin dan orang2 lemah. Sekolah dan pelajaran ada-lah suatu jalan yang besar dan luas bagi mengembangkan ajaran Keristian, dan adab2 Keristian, dan sosial Keristian (dari kitab Attabshiru wal-Isti'mar karangan Khalidi dan Farokh).

SAYA telah di-perentahkan hadhir dalam perjumpaan2 di-antara ketua2 ugama dari Singapura dan Johor, di-bawah arahan Pesurohjaya British bagi Asia Tenggara waktu itu, Malcolm McDonald bagi menentang faham Komunis pada masa itu. Pehak orang2 mission dan convent enggan champor kerana kata mereka tugas mereka hanya mengembangkan Keristian.

RAHSIA sekolah2 mereka itu maju ia-lah kerana mereka bekerja keras dan mengabdikan diri kerana tujuan yang tertentu yang satu ia-itu-lah mengembangkan ugama Keristian. Jadi tiap2 kerja yang ada matalamat itu tentu-lah berjaya dan berkesan. Kita jangan lupa bekerja dengan matalamat itu ada di-ajarkan oleh Nabi kita dengan sabda Baginda :

انما الا عمال بالنيات

Erti-nya : *"Tiap2 amal dan perbuatan itu mesti-lah berlaku-nya dengan ada niat dan tujuan-nya."* Hadith tersebut seterus-nya berbunyi :

وانما لكل امرىء مانوى

Erti-nya : *"Ada pun tiap2 sa-orang itu ia mendapat apa yang ia niatkan."* Dari itu sayugia-lah tiap2 orang yang hendak membuat sa-suatu kerja berniat dan membulatkan tujuan serta matalamat supaya kerja-nya itu sempurna dan berhasil.

### 8. ORANG MENGKAJI ISLAM

ORANG2 mission dan convent telah mengkaji dunia Islam dari semua segi dan sudut-nya, dari segi pelajaran, dari segi pengetahuan, dari segi mengubat penyakit, dari segi siasah, dari segi sosial, dari segi kebudayaan dan kesusasteraan. Mereka kemudian mengulas sudut2 Islam itu dan kehidupan umat Islam. Jadi pembuat dasar pelajaran Islam hendak-lah beringat2 ketika menulis dan membuat sa-suatu ulasan atau fikiran. Hendak-lah ia berpegang dan bersandar kapada Kitab2 Islam dari pengarang2 Islam. Pengarang2 Islam itu pula hendak-lah bukan terdiri dari murid2 orientalis saperti Ahmad Amin dan Dr Taha Hussin, Mesir dan pengulas2 serta penulis2 mengenai Islam dan umat Islam yang terdidek dari sekolah2 orientalis dan orang2 mission di-negeri Belanda, Eropah dan Amerika.

*WALLAHU A'ALAM.*

UNTOK KESELAMATAN DAN KEBAHAGIAAN DI-DUNIA DAN AKHIRAT :

# TUNAIKAN AMANAH ALLAH DGN IKHLAS DAN SEMPURNA

DI-dalam Al-Kor'an, Allah Taala telah berfirman di-dalam Surah Al-Azab ayat 72; yang bermaksud kira2: *"Sesunggoh-nya Kami (Allah) telah menawarkan amanah ia-itu kewajipan ugama kapada tujoh petala langit dan bumi serta gunong2, tetapi sekalian-nya menolak dan enggan menanggong-nya, lalu manusia-lah yang memikul dan menanggong-nya, sunggoh sabenar-nya manusia itu ada-lah menganiaya diri-nya lagi jahil."*



Dari keterangan ayat Kor'an itu jelas-lah kapada kita bahawa makhlok2 Allah saperti langit, bumi dan gunong ganang tiada berani menanggong kewajipan ugama itu di-sebabkan mereka takut tiada dapat menunaikan-nya lalu mereka akan mendapat seksa. Mereka minta lepaskan kapada Tuhan dari kewajipan menanggong amanah itu. Ada pun manusia sa-sunggoh pun sabagai makhlok yang lemah tetapi telah di-kurniakan Allah dengan kelengkapan2 yang chukop dari segi rohani dan jasmani yang membolehkan-nya menanggong amanah. Manusia di-jadikan dengan bentok badan yang sabaik2-nya. Manusia di-lengkapi dengan akal fikiran yang sempurna supaya dapat memikirkan kejadian alam yang luas ini. Kemudian Allah mengutus Rasul2-Nya dengan membawa ugama-nya untok kepentingan sekalian umat manusia untok menunjokkan jalan yang lurus, untok membezakan barang yang halal dan barang yang haram dan untok menentukan mana-kah perbuatan yang baik, mana-kah perbuatan yang jahat dan lain2 sebagai-nya.

## SIKAP MANUSIA

Namun demikian, chuba-lah kita perhatikan bagaimana-kah sikap manusia terhadap amanah atau kewajipan ugama itu?

Dalam hal ini ada tiga macham sikap manusia terhadap amanah atau kewajipan ugama :—

Pertama: Ada sa-bahagian manusia menerima amanah dengan ikhlas kerana Allah dengan menunaikan tanggong-jawab dengan sempurna.

Kedua: Ada sa-bahagian manusia menerima-nya sa-chara kurang ikhlas dan tiada menunaikan tanggong-jawab-nya dengan sempurna.

Ketiga: Ada sa-bahagian manusia tiada mau menerima amanah itu serta langsong mensia2kan tanggong-jawab-nya kapada Allah.

## KUAT IMAN

Ada pun gulongan pertama itu ada-lah merupakan orang2 yang kuat iman-nya dan benar2 memelihara amanah Allah ia-itu melakukan tugas kewajipan ugama dengan tulus ikhlas kerana Allah. Mereka melakukan amal ibadat samada mereka dalam keadaan senang atau susah. Di-kala senang mereka tetap bershukor. Dan di-kala susah ibadat mereka tetap tiada berubah, bahkan iman mereka tetap tegoh dan hati mereka tahan uji. Mereka-lah orang2 yang benar2 jujor dan ikhlas dalam menanggong amanah atau kewajipan ugama. Mereka tiada tamakkan harta dan kemewahan dunia, bahkan mereka bekerja dan berusaha menchari rezeki yang halal untok keperluan nafkah diri-nya dan keluarga-nya dengan niat untok menguatkan ibadat kapada Allah bagi diri-nya dan keluarga-nya. Dan dalam segala pekerjaan-nya mereka bersikap benar tiada mau berdusta, jujor tiada mau khianat, tawadu' tiada mau menyombongkan diri dan lain2 sebagai-nya. Mereka itu-lah orang2 yang lebeh mengutamakan keredhaan Allah daripada kesukaan manusia dan mereka-lah orang2 yang mendapat petunjok Allah, sa-bagaimana firman Allah dalam surah At-Tagabun ayat 11 yang bermaksud: *"Dan barang-siapa yang benar2 beriman kapada Allah neschaya Allah kurniakan hidayat kapada hati-nya kapada jalan yang di-redhai Allah, dan Allah itu maha mengetahui akan tiap2 sa-suatu."*

Demikian-lah gambaran orang2 yang benar2 bertanggong-jawab terhadap amanah atau kewajipan ugama yang di-pikulkan oleh Allah Taala.

Ada pun gulongan manusia yang kedua ia-itu mereka yang kurang ikhlas menerima amanah dan tiada menunaikan tanggong-jawab dengan sempurna, ada-lah merupakan orang2 yang lemah iman-nya dan tiada tegas sikap-nya pada memelihara amanah Allah. Mereka itu melakukan ibadat juga, tetapi ibadat-nya tiada dapat di-katakan sempurna, kerana kalau hati-nya senang dan fikiran-nya tenang baru dia mendirikan sembahyang dan lain2 ibadat, tetapi kalau hati-nya susah dan fikiran-nya terganggu neschaya dia tinggalkan ibadat-nya itu. Apa lagi kalau hidup-nya dalam keadaan miskin, lebeh jauh lagi dia meninggalkan ibadat-nya. Sebalek-nya ada pula orang dari gulongan kedua ini ketika ia-nya susah menunaikan ibadat, tetapi di-kala ia-nya senang, mewah dan tiada apa yang hendak di-susahkan dia meninggalkan-nya. Pendek-nya orang2 dari gulongan kedua ini lebeh suka mengutamakan kesenangan dunia daripada menuntut keredhaan Allah. Dan ini-lah gambaran orang2 yang lemah iman.

## AMANAH ALLAH

Ada pun gulongan ketiga ia-lah orang2 yang tiada mau menerima amanah Allah itu ia-lah orang2 yang kafir yang enggan beriman kapada Allah dan enggan menanggong kewajipan ugama bahkan ada sebahagian-nya menjadi musoh Allah dan musoh ugama-nya. Mereka berusaha untok menghanchurkan ugama Allah tetapi usaha2 mereka mendapat tentangan dari orang2 yang ikhlas terhadap ugama Allah, dan usaha2 jahat mereka itu tetap gagal dan mereka mendapat balasan yang setimpal dengan kejahatan2 mereka.

Kalau kita berkehendakkan keselamatan dan kebahagiaan yang sebenar2-nya di-dunia dan di-akhirat, kita tiada mempunyai pilehan lain selain daripada menjadi orang2 yang termasok dalam gulongan pertama ia-itu menjadi orang2 yang bersedia sepenoh-nya menanggong amanah atau kewajipan2 ugama itu dengan ikhlas dan penoh kesedaran. Dari itu mari-lah kita tunaikan amanah Allah dengan ikhlas dan sempurna, bagi menjamin keselamatan kita hidup di-dunia dan di-akhirat.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21hb Oktober, 1981 hingga kahari Selasa 27hb Oktober, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.35 | 4.48 | 6.05 |
| 22hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.35 | 4.48 | 6.05 |
| 23hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.35 | 4.48 | 6.05 |
| 24hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.35 | 4.48 | 6.05 |
| 25hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.35 | 4.48 | 6.05 |
| 26hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 27hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# 'SETIA' asas kemajuan umat Islam

Bingkisan minggu ini

PUNCHA kemajuan dan kedaulatan umat Islam di-zaman kegemilangan-nya ada-lah berasaskan takwa dan kesetiaan. Setia-nya kapada Allah dan kapada kitab-Nya yang di-turunkan, setia-nya kapada rasul pesuroh Allah dan ketua2 pemimpin yang di-lantek, yang di-beri kuasa mentadbir dan membangun masharakat, sa-terus-nya setia mereka terhadap saudara sa-sama manusia lebeh2 lagi yang sama sa-ugama.

## INGAT-BERINGAT

Dalam perkara ini Rasulullah s.a.w. menegaskan di-dalam sa-buah hadith Baginda yang di-riwayatkan oleh Imam Muslim, yang kira2 bermaksud: *"Sa-benar2 Islam ia-lah setia, nasehat-menasehati dan ingat-beringat. Bertanya sahabat, kapada siapa? Kata-nya, kapada Allah, kapada kitab2-Nya, kapada rasul-Nya dan kapada ketua2 pemimpin dan orang2 Islam antara satu sama lain."*

Setia kapada Allah ia-lah mengerjakan segala apa jua surohan-nya dan meninggalkan segala larangan-Nya di-samping beribadat kapada-Nya. Setia kapada kitab Allah ia-lah berjalan menurut landasan ajaran-nya. Setia kapada rasul pesuroh Allah ia-lah dengan berpegang kapada sunnah-nya, sama ada di-bidang keugamaan, siasah, ekonomi, pelajaran dan sa-bagai-nya, di-samping memelihara akhlak dan nilai budi pekerti yang tinggi serta mulia.

Setia kapada pemerintah atau ketua ia-lah dengan taat menurut perintah-nya dan menyempurnakan segala arahan-nya dalam perkara2 yang mendatangkan kebajikan kapada masharakat umom-nya, bersimpati di-atas usaha yang di-lakukan dengan jujor lagi ikhlas sa-mata2 untok kebaikan bersama dan dengan bijaksana, tidak kerana sa-suatu tujuan atau muslihat yang terselindong.

## RASA MUHIBBAH

Manakala setia sa-sama manusia khusus-nya sa-sama saudara Islam ia-lah dengan menanamkan rasa persaudaraan dan muhibbah yang sejati, tolong-menolong, bantu-membantu, bersama-sama menghindarkan kerosakan dan kechurangan masharakat yang di-chela oleh ugama dari segala sudut-nya, di-samping memelihara dan membela kesuchian ugama hingga dapat melahirkan masharakat yang tenang, aman lagi damai.

Tetapi apa yang membimbangkan kita umat Islam di-akhir2 ini, ia-lah sa-bahagian dari kita khusus-nya umat Islam di-dunia ini, telah jauh berganjak dari dasar yang sabenar, melebehi kepentingan diri sendiri. Sifat2 takwa dan setia tidak di-tanamkan dengan sabenar2-nya, ini-lah yang menyebabkan masharakat kechewa dan lemah, sering menimbolkan pertelingkahan yang menyebabkan perhubongan menjadi retak yang akhir-nya menyebabkan musoh-memusohi antara satu sama lain. Perkara sa-umpama ini tentu besar bahaya-nya kira-nya berlanjutan dan ini-lah yang menyebabkan kehanchoran dan kemusnahan perpaduan sa-sama umat Islam.

## BERPATAH BALEK

Oleh yang demikian untok mengelakkan perkara2 sa-umpama itu, mari-lah kita sama2 berpatah balek kapada jalan yang sabenar, yang di-redhai oleh Allah s.w.t., dan Rasul-Nya. Mari-lah kita churahkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kapada ketua negara kita atau pemimpin2 yang di-amanahkan, yang dengan gigih-nya membangunkan negara menjadi harmoni lagi makmor, di-samping kita berdo'a semoga mereka yang terlibat di-berkati dan di-beri taufik dan hidayah oleh Allah s.w.t., atas segala usaha2-nya.

# Kuliah Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh dari 100 orang pendudok Kampong Kiarong dan kampong di-sekitar-nya telah berkumpol di-Balai Raya kampong tersebut untok mendengar cheramah ugama.

Cheramah tersebut ada-lah salah satu ranchangan yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dan di-adakan dua minggu sekali di-beberapa buah masjid dan surau di-seluroh negeri.

MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

# MAJLIS TAKLIMAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Usaha Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan dalam meranchangkan majlis taklimat-nya ada-lah di·hasratkan untok menambah lagi bidang2 hubongan dua hala antara kerajaan dengan raayat di-samping berusaha mengukohkan hubongan2 yang sedia ada.

Keperchayaan yang di-berikan kapada achara2 taklimat sejak ia-nya di-laksanakan telah membolehkan kerajaan melalui jabatan2-nya mendapat kesempatan untok berhadapan dengan raayat.



BERGAMBAR ramai di-Bilek taklimat Bahagian Penerangan, SUK.

## Menambah bidang2 hubongan dua hala

Ini telah di-tegaskan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Hj. Othman, kapada peserta2 majlis taklimat dari Mukim Kota Batu.

### MEMAHAMI

Beliau selanjut-nya menekankan bahawa orang ramai perlu memahami tujuan2 demikian bahawa mereka ada-lah mempunyai kerajaan yang benar2 memberi perhatian berkebajikan untok mereka.

"Mereka bertanggongjawab menyedari dan memahami masaalah dan hal ehwal kerajaan dalam memberi perhatian tersebut," jelas Awang Haji Badaruddin.

Untok itu, beliau mengingatkan ada-lah kurang berfaedah kita berchakap dan berfikir tentang berbagai-bagai kehendak dan kepentingan orang ramai jika kita tidak menginsafi bahawa penchapaian ada-lah melalui kerjasama orang ramai kapada kerajaan.

### SUASANA HARMONI

Ketua Pegawai Penerangan selanjut-nya menjelaskan bahawa melalui taklimat sa-umpama ini juga ada-lah di-harapkan supaya orang ramai dan pehak kerajaan dapat merapatkan hubongan dengan saling memahami masaalah masing2 demi mengekalkan suasana harmoni lagi berkebajikan yang sa-lama ini telah di-nekmati oleh raayat semua lapisan masharakat.

"Sa-sunggoh-nya hajat mengekalkan suasana harmoni lagi berkebajikan itu ia-lah hajat semua orang sebab masing2 mempunyai kepentingan-nya yang sama untok hidup aman damai, bahagia, selamat dan sentosa di-rumahtangga, di-kampong halaman, di-tempat2 mendapat nafkah mata pencharian dan sa-terus-nya di-dalam masharakat-nya, di-tengah2 bangsa-nya dan di-dalam negara-nya," kata Awan Haji Badaruddin.

Dengan yang sa-demi kian itu, jelas-nya lagi me matutkan mana2 peha sentiasa mensaimbangka sa-barang kehendak da keperluan, chita2 dan pe mikiran dengan kepenting an mengekalkan suasan harmoni lagi berkebajika itu.

## Kerajaan sediakan berbagai kemudahan rawatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam memberikan perkhidmatan dan perubatan kapada raayat dan pendudok di-negeri ini, kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan saperti rumah2 sakit, kelinik2 dan kelinik2 bergerak bagi seluroh negeri.

Di-kawasan2 luar bandar kerajaan juga menyediakan kelinik2 tetap dan juga lawatan2 perubatan2 melalui jalan-raya, sungai dan udara bagi kesejahteraan pendudok2 pendalaman.

### RUMAH SAKIT

Demikian telah di-tegaskan oleh Ketua Pentadbir Rumah Sakit, Awang Haji Abd. Rahman bin Abd. Razak ketika memberikan taklimat kapada lebeh daripada 30 orang pendudok Mukim Kota Batu yang mengikuti siri taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini pada hari Khamis lepas.

Kata-nya pada masa ini sa-jumlah lima buah rumah sakit di-dirikan di-negeri ini ia-itu empat buah kepunyaan kerajaan dan sa-buah kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Rumah2 sakit itu, kata-nya lagi ia-lah Rumah2 Sakit Bandar Seri Begawan yang mempunyai 330 buah katil; Rumah Sakit Suri Seri Begawan mempunyai 180 buah katil; Rumah Sakit Daerah Tutong 20 buah katil: Rumah Sakit Daerah Temburong 20 buah katil dan Rumah Sakit Sharikat Minyak Shell mempunyai 100 buah katil.

Pada memberikan perubatan2 yang lebeh baik, kerajaan telah membena sa-buah Rumah Sakit baru yang terletak di-Kiulap dalam kawasan Daerah Brunei dan Muara di-mana projek ini sedang ranchak di-selanggarakan.

Rumah Sakit baru ini, Kata Awang Haji Abd. Rahman boleh menampong sa-banyak 500 buah katil dan pembenaan-nya di-jangka akan siap pada awal tahun 1983 ini nanti.

Menyentoh dengan pegawai2 dan kakitangan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, beliau menambahkata, jabatan tersebut kini mempunyai sa-ramai kurang lebeh daripada 2,700 orang kakitangan dan peruntokan perbelanjaan bagi menjalankan berbagai perkhidmatan2-nya pada tahun ini ia-lah sa-jumlah lebeh $66.5 juta.

### DOKTOR PAKAR

Dari jumlah tersebut, jelas-nya, jabatan ini mempunyai 24 orang doktor-doktor pakar dalam berbagai bidang dan kemahiran, 46 orang doktor perubatan, sembilan orang doktor pergigian dan kurang lebeh 850 orang kakitangan rawatan dalam berbagai perengkat ia-itu saperti ketua2 jururawat, jururawat2, pembantu2 rumah sakit dan bidan2.

Menyentoh dengan Rumah Sakit Umom di-ibu negeri, Awang Haji Abd. Rahman sa-terus-nya menjelaskan bahawa sunggoh pun rumah sakit tersebut sudah nampak lama bangunan-nya namun demikian ia-nya telah di-lengkapkan dengan kemudahan2 serta peralatan2 yang moden dan sofistikated.

Walau bagaimana pun kata-nya lagi, pesakit2 yang tidak dapat di-rawat dalam negeri ini, kerajaan akan berusaha untok menghantar pesakit itu keluar negeri untok mendapatkan perubatan yang lanjut.

Pada mengatasi kekurangan kakitangan rawatan, jabatan ini, kata-nya mempunyai dua buah sekolah latehan ia-itu sa-buah bagi melateh jururawat2 dan pembantu rumah sakit dan sa-buah lagi untok melateh bidan2.

Jelas-nya, pada masa ini sa-ramai lebeh daripada 240 orang kakitangan rawatan dalam berbagai-bagai jawatan dan perengkat yang kesemua-nya terdiri dari anak2 tempatan telah mengikuti latehan di-kedua2 sekolah latehan tersebut.



Awang Haji Abdul Rahman.



SA-BAHAGIAN dari peserta2 yang mengikuti taklimat pada hari itu.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU – 21HB. OKT.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 NATURE OF THINGS :
5.30 GODZILLA : "The Deadly Asteroid"
Godzilla, superhero yang gagah perkasa sekali lagi mesti menyelamatkan bumi dari Orang2 Ayer Batu di-Frios yang mengarahkan bintang2 mereka untok jatoh ka-bumi, dengan ranchangan2 untok mengubah dunia kazaman Ayer Batu.
6.00 BERITA AWAL
6.05 FALCON ISLAND
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 FALCON ISLAND — sambongan
6.30 SAYANG ADEK KU SAYANG
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOBO :
"Coeds with Sticky Fingers"
Kejadian2 rompakan berlaku dirumah2 orang2 Atlanta yang kaya dan ternama yang mengambil bekerja penjaga kanak2 yang muda dan jelita. Ini memerlukan perhatian yang khusus dari Lobo dan penolong2-nya.
7.24 AZAN ISHA
7.28 LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 GIVE US A CLUE
9.20 HAWAII FIVE O :
"The Cop on the Cover"
10.05 TAYANGAN GAMBAR :
"The Girl From Petrovka"
11.30 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS – 22HB. OKT.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 DRAG PACK :
"Dred's Photo Finish"
Kamera baru Dred dapat menggambar apa sahaja tapi ranchangan2-nya untok menggunakan-nya gagal bila Drak Pack melarikan rekachipta-nya itu.
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 DRAG PACK — sambongan
6.30 EVOLUTION :
"Invasion of the Land"
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY : "A Blast for Buck"
Bintang kanak2 Gary Coleman sa-bagai Hieronymus Fox, yang di-jadikan alat yang penoh misteri menimbulkan teka teki ganjil yang menganchan bumi dimunchol di-pejabat Dr Huer.
7.24 AZAN ISHA
7.28 BUCK ROGERS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 THREE'S COMPANY :
"Jack Navy Pal"
9.55 RIKER : "Busted Cop"
10.45 TRAPPER JOHN
11.30 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT – 23HB. OKT.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
y.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL :
"Trapped"
5.30 THE LONE RANGER
"The Black Mare"
The Lone Ranger terpaksa menchari perak yang telah jatoh ka-tangan penchuri2 kuda di-lembah tua kuda jantan puteh.
6.00 BERITA AWAL
6.05 DR. WHO — "City of Death" bahagian 3
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 DR. WHO — sambongan
6.30 MAGIC PALACE
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ALOHA PARADISE :
"The Star"
7.24 AZAN ISHA
7.28 ALOHA PARADISE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 FILEM DOKUMENTRI —
"Punan Di-Mukim Sukang"
(Ranchangan tempatan)
9.00 THE STOCKARD CHANNING SHOW
9.30 GUSTI
10.15 THE SWEENEY :
"Bad Apple"
11.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU – 24HB. OKT.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 NEW POPEYE — sambongan
6.30 BEWITCHED :
"George Washington Zapped Here" — bahagian 1
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 QUINCY : "Stain of Guilt"
7.24 AZAN ISHA
7.28 QUINCY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MARI MEMASAK
9.20 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
11.15 THE BIG VALLEY : "The Prize"
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD – 25HB. OKT.

PETANG
2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.14 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 SHANE
4.00 SUNSHINE : "The Angel of Doom"
Jill menjadi bimbang mengenai konsep kematian dan Sam pula merasa bingong untok menerangkan kapada-nya tanpa menakutkan-nya.
4.30 KAP KAP UDANG
4.50 BAGPUSS
5.05 SHAZAM
5.25 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLASH GORDAN
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 FLASH GORDAN — sambongan
6.30 CHILDREN'S SHORT STORIES :
"The Incredible Cat Tale"
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS : "Now You See Him, Now You Don't"
Sa-orang perompak bank yang menggunakan berbagai chara untok menyamar diri menyebabkan Enos dan Turk sentiasa berkejar ka-sana kamari.
7.24 AZAN ISHA
7.28 ENOS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HOW TO DRIVE :
"Drive To A System"
8.45 ONLY WHEN I LAUGH
9.15 KUIZ KESELAMATAN JALAN RAYA — Bahagian 3
9.45 LOVE IN A COLD CLIMATE
10.40 ARMCHAIR THRILLER :
"The Circe Complex" — bhg. 3
11.15 SIARAN TAMAT.

## ISNIN – 26HB. OKT.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME — (ulangan)
5.15 NEW MIGHTY MOUSE
5.35 ANIMAL WORLD :
"Animal Orphange"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TARZAN "Naguma Cruse"
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 TARZAN — sambongan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART :
"Murder Paradise"
7.23 AZAN ISHA
7.27 HART TO HART — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 SKAGG : "The Wild Catters" bahagian 1
9.40 SURVIVAL : "The Sea Must Live"
10.20 HILL ST. BLUES :
"Jungle Madness" bahagian 1.
11.20 SIARAN TAMAT.

## SELASA – 27HB. OKT.

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 BERITA AWAL
6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL
"Rookie of the Year"
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 FAMILY HOUR FESTIVAL — sambongan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 NERO WOLFE :
"Murder In Question"
7.23 AZAN ISHA
7.27 NERO WOLFE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR :
"Charade"
11.00 BOGNOR : "Deadline" — bhg 5
11.30 SIARAN TAMAT.



SIRI animasi "The Lone Ranger," siri kegemaran kanak2 membawa cherita bertajok "The Black Mare." Siaran-nya kira2 pukol 5.30 petang.



SIRI "Survival" mempaparkan penghidupan binatang2 di-muka bumi mahu pun di-darat atau di-laut. Siri kali ini memperlihatkan kita penghidupan di-dasar laut dalam kesah "THE SEA MUST LIVE".

# GARIS KASAR PANDUAN DRAMA TALIVISHEN THEMA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN

STRUKTOR DRAMA :

DRAMA Sambutan Hari Kemerdekaan ini akan mengandongi 26 episod, tiap2 episod sa-tengah jam masa siaran. Ia-nya akan di-bahagikan lagi kapada 4 siri yang berla'nan thema. Tiap2 siri ini akan mengandongi 6 episod dan satu siri lagi menjadi dua episod.

4 siri x 6 episod = 24 episod
1 siri x 2 episod = 2 epsiod
= 26 episod

atau tidak sa-mesti-nya satiap siri itu akan mengandongi 6 episod. Mungkin siri-nya akan bertambah dan episod-nya akan berkurang, ini bergantong kapada isi dan jalan cherita yang akan di-buat oleh penulis dan di-sunting semula oleh Penerbit dengan persetujuan pehak Jawatankuasa Penal Drama.

Kesemua thema drama ini hendak-lah berkisar kapada nilai2 kehidupan sosial, ekonomi, politik, ugama (Islam). Ia-nya juga akan menggambarkan keadaan dan suasana kelompok masharakat atau keluarga, kaum, perkampongan yang ka-semua-nya mempaparkan identiti ke-Bruneian.

THEMA :

Berikut ini ia-lah petekan dari keputusan minit Jawatankuasa Penerangan dan Penyiaran Sambutan Hari Kemerdekaan Negeri Brunei 1983.

**Keterangan/Pelaksanaan**

Siri drama kemerdekaan akan di-buat dalam format siri Talivishen 'A Little House On The Prairie' —dengan menggambarkan suka-duka suatu kelompok masharakat Brunei dalam aspirasi mereka terhadap kemerdekaan dengan menekankan usaha2 memajukan taraf hidup yang di-dokong oleh pegangan kuat berugama dan beraja.

Pelaksanaan-nya akan di-usahakan dengan :—

a) Menubohkan Penal cherita thema
b) Mengumpol/memileh penulis2 skerip.

Siaran-nya akan di-mulakan awal 1983. Urusan2 skerip mesti di-siapkan dalam bulan Mach, 1982 dan urusan2 penerbitan akan di-mulakan dalam bulan Mei, 1982.

DAILOG

Bahasa penutoran biasanya di-gunakan ia-lah bahasa Melayu Standard (Lingua Franca) tetapi bahasa2 Melayu Brunei boleh juga di-tutorkan sabagai imbasan saja yang di-sesuaikan dengan keadaan tempat atau mustahak-nya bahasa itu di-tutorkan.

**BENTOK SKERIP**

Jika di-taip jarak dua di-atas muka kertas panjang ia-nya akan mengandongi antara 30-32 muka untok 30 minit sa-buah drama.

Hindarkan-lah menulis skerip dalam bentok drama radio kerana chara penulisan drama radio dengan TV ada-lah jauh berbedza. Jika radio mengandongi dailog yang panjang dalam satu2 babak tetapi TV tidak demikian hal-nya.

Skerip drama TV berkehendakkan synopses salain dari isi cherita, jadi-nya synopses bermakna rengkasan dari keselurohan isi cherita hendak-lah di-bayangkan di-permulaan skerip.

Yang kedua penting ia-lah perwatakan yang menjiwai sa-sebuah cherita itu hendak-lah juga di-nyatakan oleh penulis.

Mithal-nya: Watak ayah sa-orang yang pendiam tetapi serius. Orang-nya alim kuat beribadat dan penyedeh.

Tujuan di-terangkan watak2 ini di-permulaan cherita ia-lah untok mensesuaikan dengan diri pelakun supaya watak2 ini dapat di-hidupkan.

Bagaimana pun penulis2 ada-lah di-bolehkan menghantar skerip mereka dalam bentok yang ada pada masa ini dan ia-nya akan di-sunting semula oleh penerbit dengan kerjasama penulis-nya.

JADUAL PENERBITAN

Semua skerip drama hendak-lah di-hantar tidak lewat bulan Mach 1982. Skerip2 yang awal di-hantar ada-lah lebeh baik untok memberi kesempatan berbinchang dengan penerbit dan dapat memperbaiki, menambah mana2 yang kurang.

Skerip2 drama TV Sambutan Hari Kemerdekaan hendak-lah di-tujukan kapada :

Awg Abd Rahim Walli,
Setiausaha Penal Drama TV.,
Bahagian Penerbitan Radio Talivishen Brunei,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.



**"HILL STREET BLUES" siri drama pulis di-bintangi oleh Kiel Martin, Michael Warren, Charles Haid dan Taurean Blacque. Siri ini di-tayangkan pada hari Isnin kira2 jam 10.20 minit malam.**

DARI minggu ka-seminggu Penganjor Ranchangan Kampong Terpuji akan melawat ka-kampong2 yang menyertai Kampong Terpuji. Sejauh ini bermacham2 kegiatan yang sudah dapat di-tinjau oleh penganjor. Minggu ini Ranchangan Kampong Terpuji akan di-mulakan dengan penyertaan Kampong Lamunin, Daerah Tutong. Ranchangan ini akan ka-udara pada hari Ahad 25hb Oktober jam 2.00 petang.



**GAMBAR menunjokkan sabahagian kaum ibu yang menunjokkan kebolehan mereka dalam menjayakan ranchangan Kampong Terpuji. Gambaran ini ia-lah ketika pehak penganjor melakukan lawatan ka-Kampong Selapon Daerah Temburong.**

# RANCHANGAN TVP DARI 26HB. OKT. — 1HB. NOB.

## ISNIN — 26HB OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 463.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, KERJA TANGAN, HALAMAN MENGAJAR, MAIN BOLA, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.
Kerja Tangan Che'gu Rokiah akan membuat kipas daripada kertas.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 463.

## SELASA — 27HB OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 464.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, AMIN, LIHAT DAN PERHATI, PA' LONG, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 464.

## RABU — 28HB OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 465.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, PETI SURAT, MENYANYI, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah SI-HIJAU.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 465.

## KHAMIS — 29HB OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 466.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, KAJIAN SAMULA JADI, MAIN BAKUL, GAMBAR DARI RUMAH, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 466.

## JUMAAT — 30HB OKTOBER

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, AMINAH, SI-MANIS, HALAMAN MENGAJAR, MENYANYI, dan CHERMIN SAKTI.

## SABTU — 31HB OKTOBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 467.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, MENCHARI BENDA TERSEMBUNYI, SI-AMIN, MAIN KERUSI, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

## AHAD — 1HB NOBEMBER

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, MAIN BANG, HALAMAN BELAJAR, MAIN KERUSI, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.



PUNAN ia-lah salah satu puak yang mendiami rumah panjang di-Mukim Sukang, Ulu Belait. Mereka merupakan satu kelompok masharakat yang sudah dapat merobah chara berfikir dan sa-chara beransor2 dapat menerima perubahan yang di-lalui dari zaman primitif.

Meski pun demikian kesan2 dari tradisi lama memang agak ... pat merek... utama apa... perlukan u... kembali t... dan kehidu... melambang... bangsa.

Filem d... nan yang t... bagai filem... terbaik bag... telah di-ha...

# PERPINDAHAN KHAS

## 14 keluarga dari Kg Sumbiling Lama terlibat

**Oleh: Jahri Haji Abdul Latif**

SA-RAMAI 14 orang ketua keluarga yang terlibat dalam satu ranchangan perpindahan khas baru2 ini telah mengadakan perjumpaan dengan pehak2 berkenaan kerajaan untok menyelesaikan proses perpindahan mereka dari Kampong Sumbiling Lama di-ibu negeri, satu kawasan tertentu yang di-ambil balek oleh kerajaan, ka-satu kawasan baru di-Kampong Mata2, Gadong.

### AMBIL BALEK

Tujuan kerajaan mengambil balek kawasan perumahan mereka itu difahamkan ada-lah disebabkan projek perkembangan Istana Darussalam yang terletak dipinggir tebing sungai kampong tersebut. Di-sebelahnya terletak dua buah pusat belibelah, satu dari-nya ia-lah Pusat Belibelah Sumbiling.

Pengambilan balek kawasan tersebut memang sa-wajar-nya, kerana bukan sahaja untok tujuan mengekalkan identiti istana itu kerana ia-nya mempunyai sejarah-nya yang tersendiri, tetapi yang lebeh penting supaya istana itu tidak akan di-chemari dan di-tenggelami oleh pembangunan2 yang tidak di-kehendaki oleh kerajaan itu.

Untok mengelakkan kelambatan perpindahan itu, pehak kerajaan, kata Pesurohjaya Tanah, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin telah mengeluarkan notis sa-lama enam bulan supaya mereka meninggalkan kawasan perumahan mereka itu.

Walau bagaimana pun, pehak kerajaan tidaklah mengarahkan mereka berpindah tanpa sa-suatu haluan atau membiarkan kehidupan mereka berkeliaran tanpa arah yang dituju. Memikirkan pentingnya kediaman mereka itu, pehak kerajaan telah memberi sa-lot tanah tidak kurang ½ ekar dengan hanya mengenakan bayaran kapada mereka tidak lebeh sa-ribu ringgit di-samping mereka di-bayar ganti rugi ka-atas rumah2 mereka yang terpaksa dirobohkan itu.

### SHARAT2

Bagaimana pun, Pesurohjaya Tanah itu menegaskan pemberian lot2 itu, yang di-jalankan pengundian-nya di-Dewan Bandaran baru2 ini, ada-lah tertaklok kapada sharat2 Majlis Mashuarat Menteri-menteri yang menghendaki *'ia-nya (lot) itu tidak boleh di-pechah atau di-pindah milek kapada orang lain.'* Sharat ini sudah tentu membawa erti bahawa lot2 tersebut sama sa-kali tidak boleh ditukar milek apa-tah lagi untok di-jual beli.

Menyaksikan undian itu di-jalankan termasok-lah pegawai2 kanan dari Jabatan2 Tanah, Daerah Brunei dan Muara, Ukor, Perpindahan dan Kerja Raya. Sa-belum pengundian di-jalankan, di-antara mereka telah menimbulkan banyak perkara termasok-lah mengenai pinjaman kewangan dari kerajaan (pinjaman ini tidak di-berikan) untok pembenaan perumahan mereka.

### KEUPAYAAN

Perkara pembenaan perumahan mereka ini telah di-tegaskan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah, dalam mana menurut-nya, pehak jabatan-nya hanya bertanggong-jawab mengenai penyelenggaraan urusan perpindahan mereka, soal pinjaman kewangan ini tidak timbul. Masaalah ini, kata-nya, "terserah-lah atas ikhtiar masing2, mengikut keupayaan dan keutamaan keluarga abis kita."

Kerajaan, kata-nya tidak menentukan besar dan kechil mana bentok rumah2 yang mereka hendak bena, tetapi pembenaan rumah2 itu mesti-lah mempunyai plan.

Dalam hubongan ini, pehak kerajaan memang menyedari, tetapi tidaklah segala-gala-nya terletak di-atas bantuan kerajaan sa-mata2, sebab perpindahan khas ini hanya mempunyai kes2 tertentu, maka kata Pesurohjaya Tanah, ia-nya tidak dapat di-samakan dengan Ranchangan Perpindahan Negara sa-benar.

### GANTI RUGI

Namun demikian kerajaan tetap memberi bantuan kapada mereka saperti membayar ganti rugi mengikut nilai rumah2 mereka, memberi sa-lot tanah tidak kurang ½ ekar di-samping perbelanjaan membersehkan kawasan lot2 mereka yang memakan belanja lebeh kurang $350 ribu.

Dalam perjumpaan hari itu, Pelita Brunei telah sempat meninjau pandangan beberapa orang yang terlibat dengan ranchangan perpindahan khas itu, dalam mana antara mereka telah menyatakan rasa shukor ka-hadhrat Allah s.w.t., kerana mendapat kornia dari kerajaan Kebawah DYMM di-samping menjunjong kaseh yang tidak berbelah bahagi kapada Baginda Yang Dipertuan, kerana dengan kornia itu mereka perchaya dan yakin yang masa depan mereka akan lebeh terjamin.

Dan memang-lah menjadi hasrat kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memantuni kehidupan raayat jelatanya supaya menchapai taraf hidup yang tinggi yang di-ranchangkan menerusi pembangunan2 negara termasok-lah Ranchangan Perpindahan Negara.





**INI-LAH kawasan (sebelah kanan dalam gambar atas) yang terlibat dalam perpindahan khas itu, sementara gambar bawah kelihatan pengundian untok menentukan lot masing2. Pengundian itu telah di-saksikan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah dan Pesurohjaya Tanah, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin.**



**SA-BELUM pengundian itu, kesemua ketua keluarga yang terlibat dalam perpindahan khas itu telah di-berikan sa-keping peta kedudokan kawasan perpindahan saperti kelihatan dalam gambar atas.**

## Penuntut2 S.M.M.S.H. tinjau kegiatan AMDB

MUARA. — Siri lawatan penuntut2 ka-chawangan kerjaya Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei kini telah di-teruskan lagi, di-mana sa-ramai 34 orang penuntut termasok dua orang guru yang terdiri dari tingkatan satu dan dua dari aliran Inggeris dan Melayu, Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Bangar Temburong telah melakukan lawatan pada hari Rabu lepas.

Menurut Chegu Sabli bin Haji Momin selaku ketua rombongan, memberitahu bahawa lawatan ka-chawangan kerjaya itu ada-lah merupakan pertama kali yang telah dilakukan oleh rombongan ini yang bertujuan untok menghabiskan ranchangan2 tahunan sekolah dan melawat sambil belajar, melihat dan mengetahui lebeh dekat lagi perkembangan2 dan kegiatan2 kerjaya serta memberi peluang kapada penuntut2 yang berminat untok memasoki dalam kerjaya.

Di-sebelah pagi-nya, rombongan tersebut telah memulakan lawatan ka-Bahagian Angkatan Laut yang berpengkalan di-Muara. Di-mana rombongan yang di-ketuai oleh dua orang guru itu telah di-temani oleh Pegawai Warrant II Abd. Rajab bin Bakar dari Perkhemahan Bolkiah dan pegawai2 Angkatan Laut yang lain bagi meninjau perkembangan2 Angkatan Laut pasokan.

Di-antara tempat2 yang dilawati ia-lah kawasan perkapalan, logistik dan sekitar bangunan Angkatan Laut.

Bagi meneruskan lawatan di-hari itu, kira2 jam 10.30 pagi rombongan tersebut telah meninggalkan Angkatan Laut Muara dengan menaiki pesawat helikopter untok meninjau perkembangan2 kerjaya di-Perkhemahan Bolkiah.

Di-sini rombongan itu telah di-alu2kan oleh Leftanan Ya'akub bin Bolhassan dari Pusat Pengambilan dan sa-terus-nya membawa melawat tempat2 yang penting di-perkhemahan itu.

Muzium Pasokan, Pasokan Askar Muda dan Bengkel Pasokan ada-lah tempat2 yang telah menjadi kunjongan dan perhatian di-hari itu.

Mengakhiri siri lawatan di-hari itu, rombongan sa-ramai 34 orang itu telah berpeluang meninjau ka-Chawangan Udara AMDB di-Perkhemahan Berakas.



**PENUNTUT2 Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan mendengar penerangan salah saorang pegawai sa-masa lawatan mereka ka-pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.**

# KEBERANGKATAN D
# DEWAN BAHASA





KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda S Dipertuan ka-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka telah di-alu2kan oleh YAB P Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz; YB Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman; Penasehat kapada Pengarah Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Su DBP, Pengiran Badaruddin (sedang junjong ziarah), yang kemudian-nya Pengara perkenalkan pegawai2-nya kapada Baginda Yang Dipertuan (gambar kiri bawah

Sa-telah itu, Baginda Yang Dipertuan di-junjong berangkat ka-Bilek Pe mana taklimat telah di-sembahkan oleh Penasehat kapada Pengarah DBP, YB P Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri (gambar







DI-SAMPING di-junjong berangkat ka-beberapa bahagian jabatan tersebut, Baginda Yang Dipertu berangkat melawat ka-Bahagian Perpustakaan. Gambar kiri kelihatan Ketua Perpustakaan, Da T. Salazar menerangkan sa-suatu kapada Baginda sementara gambar atas kelihatan Baginda Ya turun dari Perpustakaan Bergerak sa-telah menyaksikan-nya






GAMBAR atas kelihatan Baginda Yang Dipertuan ketika berada di-Bahagian Penerbitan dan menerima penerangan dari Awang Ali bin Haji Abdul Razak mengenai dengan naskah buku2 yang di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gambar kiri ketika Baginda Yang Dipertuan di-junjong berangkat ka-Bahagian Kebudayaan sambil mendengar penerangan dari Pengelola Perkembangan Kebudayaan, Awang Ahmad bin Haji Abdul Ghafar.

Gambar bawah kelihatan Baginda Yang Dipertuan mendengar penerangan YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri mengenai dengan bentok rumah pembesar2 negara dan orang2 berada di-dalam abad ke-19 yang di-pamerkan di-Bahagian Kebudayaan. Turut juga mendengar penerangan itu ia-lah Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa dan YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.



AHAGIAN terakhir di-lawati Baginda ia-lah Bahagian Pentadbiran Majlis Pelajaran Negeri Brunei yang di-tempatkan di-bangunan DBP. Gambar atas kelihatan Baginda mendengar penerangan dari Awang Ismail bin Haji Jarudin mengenai dengan tugas2 yang di-jalankan.

Gambar bawah pula kelihatan ketika berada di-Bahagian Perbendaharaan Sastera di-mana Baginda menyaksikan tugas yang di-jalankan di-bahagian itu.





# 10 ORANG LAGI JEMAAH HAJI MENINGGAL DUNIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 10 orang lagi jemaah haji kita telah meninggal dunia ketika menunaikan fardhu haji, menjadikan jumlah yang meninggal dunia dalam musim haji ini kapada 19 orang.

Jemaah2 haji yang meninggal dunia itu ia-lah Haji Zainal Abidin bin Puteh, 55 tahun dari Jalan Pandan, Kuala Belait. Allahyarham meninggal dunia di-Mekah pada 10hb Oktober.

Dayang Hajjah Murah bte Akim, 76 tahun dari Kampong Terunjing, Berakas. Allahyarhamah meninggal dunia di-Mekah pada 10hb Oktober.

Dayang Hjh Taisah bte Mohammad, 58 tahun dari 101, Kampong Sultan Lama Bandar Seri Begawan. Allahyarhamah meninggal di-Mina pada 9hb Oktober.

Dayang Suasa bte Haji Kula, 59 tahun dari Kampong Seri Tanjong Belayang, Temburong. Allahyarhamah meninggal di-Mekah pada 6hb Oktober.

Hjh Nuri bte Bakir, 84 tahun dari Kampong Tungku, Gadong. Allahyarhamah meninggal di-Mina pada 10hb Oktober.

Haji Serudin bin Ahmad, 91 tahun dari Kampong Kiudang, Tutong. Allahyarham meninggal di-Mina pada 11hb Oktober.

Haji Md Noor bin Bakar, 58 tahun dari Kampong Luagan Dudok, Tutong. Allahyarham meninggal di-Mekah pada 13hb Oktober.

Haji Razak bin Said, 62 tahun beralamat 37, Kampong Birau, Tutong. Allahyarham meninggal di-Mekah pada 12hb Oktober.

Tamin bin Dulah, 63 tahun beralamat 19, Kampong Serasa, Muara. Allahyarham meninggal di-Mekah pada 7hb Oktober.

Hajjah Kipas bte Haji Yusof, 68 tahun beralamat 28, Kampong Tanjong Maya, Tutong. Allahyarhamah memeninggal dunia di-Mina pada 14hb Oktober.


Allahyaham Haji Zainal Abidin


Allahyarhamah Hjh Murah


Allahyarhamah Hjh Taisah


Allahyarhamah Dayang Suasa


Allahyarhamah Hjh Nuri


Allahyarham Haji Serudin


Allahyarham Haji Md Noor


Allahyarham Haji Razak


Allahyarham Awang Tamin


Allahyarhamah Hjh Kipas

# Sharikat Kerjasama di-tuntut memberikan pendidekan kapada ahli2-nya

KAMPONG LUMAPAS. — Untok menepati erti sabenar sa-buah sharikat kerjasama dan untok menchapai 'self-reliance' dan 'total dependence' saperti yang di-hasratkan dalam penubohan-nya, satu penyusunan ranchangan pendidekan kerjasama atau co-operative education untok ahli2 sharikat ada-lah sangat2 di-tuntut dalam gerakan kerjasama.

Kenyataan itu di-buat oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama samasa merasmikan kursus sa-hari Pengurusan Sharikat Kerjasama pada 10hb. Oktober minggu lalu bertempat di-Sekolah Melayu Lumapas.

Kursus tersebut telah dikelolakan oleh Sharikat Kerjasama Lumapas (KEKAL) untok ahli2-nya dengan bantuan Jabatan Kemajuan Kerjasama. Sharikat kerjasama itu merupakan yang kedua mengadakan kursus sa-umpama itu sa-lepas Sharikat Kerjasama Mutika Jaya Kampong Pangkalan Batu mengadakan-nya pada 27hb. September lalu.

Pesurohjaya itu menambah bahawa pendidekan kerjasama sangat luas bidang-nya yang bukan hanya bertujuan untok meningkatkan perniagaan sharikat tetapi yang lebeh penting untok meresapkan kapada ahli2 sharikat mengenai tata hidup jimat chermat dan menolong diri sendiri dalam masharakat.

"Sebab itu-lah dalam Tambahan Peratoran satiap sharikat kerjasama ada di-persharatkan yang sekian peratus daripada Untong Berseh hendak-lah di-peruntokkan kapada Derma Pelajaran," tegas Pesurohjaya.

Dalam kursus tersebut empat tajok cheramah telah di-sampaikan oleh pegawai2 dari Jabatan Kemajuan Kerjasama ia-itu Pengurusan dan Pengendalian Sharikat, Peranan Buku2 Dalam Gerakan Kerjasama, Mashuarat2 dan Peranan-nya, dan Peranan Tambahan Peratoran Sharikat.

Sharikat Kerjasama Kampong Lumapas (KEKAL) telah di-daftarkan pada 23hb. Februari, 1976 dan merupakan sharikat kerjasama yang mula2 sakali di-daftarkan di-negeri ini di-bawah Undang-Undang Sharikat Kerjasama, 1975.

# Ramai lagi anggota AMDB berkursus

BERAKAS. — Dua orang Pegawai Kadet Angkatan Laut, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom bagi mengikuti dua kursus berasingan di-sana.

6303 Pegawai Kadet Adanani bin Engin dan 6852 Pegawai Kadet Hazaman bin Haji Abdullah kini mengikuti kursus pertama, Pre-International Midshipmen (Naval Phase) di-Linguarama Services Limited, Hampshire, sa-lama kira2 dua bulan. Satelah itu mereka akan mengikuti kursus International Midshipmen sa-lama kira2 sa-tahun di-Maktab Tentera Laut Diraja Britania, di-Devon.

Sementara itu, lima orang anggota pasokan tersebut telah berlepas ka-Republik Singapura kelmarin bagi menjalani kursus Asas Penerbangan sa-lama sa-bulan di-Sekolah Latehan Kommando di-republik itu.

Mereka ia-lah 5176 Sgt Salim bin Omar dari Kompeni RHQ, 5589 L/Kpl Johari bin Damit, 6067 Perajurit Marnih bin Yutong, 6075 Perajurit Jatah bin Kanan dan 6137 Perajurit Awang Mohd. Ali bin Liman, semua-nya dari Battalion Pertama.

Pasokan tersebut juga akan menghantar tiga orang lagi anggota dari Kompeni RHQ bagi mengikuti kursus Vehicle Electrician NCO Kelas I sa-lama kira2 sa-bulan di-Sekolah SAF Ordnance di-Republik Singapura.


Sgt Salim . . . mengikuti kursus asas penerbangan di-Singapura.

Mereka ia-lah 4926 Kpl Pengiran Jalil bin Pg. Haji Jaluddin, 5530 LKpl Abu Bakar bin Momin dan 5838 LKpl Roslan bin Samli. Anggota2 tersebut akan bertolak pada 26hb. Oktober ini.

Manakala berlepas ka-United Kingdom akhir bulan ini ia-lah 4211 Sgt Omar bin Bini dari Battalion Pertama, dan 4056 Kpl Bahar bin Saman dari Battalion Kedua, yang akan mengikuti kursus No. 71 Regimental Signal Instructors sa-lama tiga minggu di-Chawangan Semboyan, The School of Infantry, Warminster.

# 5,152 chalun dudoki pepereksaan SPR

BANDAR SERI BEGAHAN. — Sa-ramai 5,152 orang chalun akan mendudoki pepereksaan Sijil Pelajaran Rendah dalam kedua2 aliran Inggeris dan Melayu akan di-jalankan sa-lama dua hari berturut2 di-pusat2 pepereksaan yang telah di-tetapkan di-seluroh negeri bermula pada 22hb hingga 26hb Oktober ini.

Dari jumlah tersebut, sa-ramai 4,152 orang chalun dari aliran Inggeris terdiri dari murid2 Prep. III di-seluroh Sekolah2 Persediaan Inggeris Kerajaan, Sekolah Misi, Sekolah China dan Sekolah Persendirian yang berdaftar akan mendudoki pepereksaan tersebut.

Sementara itu, sa-ramai 1,000 orang chalun dari aliran Melayu yang terdiri dari murid2 Darjah Enam di-seluroh Sekolah Melayu di-negeri ini akan mendudoki pepereksaan yang sama.

Ada-lah juga di-maalomkan kapada semua penjaga chalun2 yang terlibat dan guru2 yang berkenaan akan dapat sama2 mengingatkan kapada semua chalun2 supaya akan dapat hadhir ka-pusat pepereksaan masing2 pada hari dan tarikh yang di-tetapkan.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa barang2 yang berikuti di-bawah ini bermula dari minggu 15hb Oktober, 1981.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. SAYOR TANGHUN BERKATI — $4.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   1) Chop Nam Fung, No. 114 Bangunan Guru2.
   2) Chop Aik Thye No. 25 Jalan Sultan.
2. KACHANG TANAH — $1.60 sa-kati boleb di-beli dari kedai2 berikut : —
   1) Hong Guan Koon Kee No. 10, Jalan McArthur.
   2) Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.
   3) Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.
3. TELOR MASIN — $2.00 9 biji boleh di-beli dari kedai berikut : — Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.
4. ASAM JAWA CHAP SINGA — 50 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : — Lam Seng, No. 3, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. SAYOR TANGHUN BEAKATI — $4.80 sa-kati boleh li-beil dari kedai berikut:— Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
2. KACHANG TANAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : — Koh Kit Hin & Son, No. 28, Jalan Pretty.
3. TELOR MASIN — $1.00 tiga biji boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   1) Chop How Min, No. B, Chinese Chamber of Commerce,
   2) Sharikat M. Haji, No. D2, Chinese Chamber of Commerce,
   3) Chiong Kee, No. 1A, Jalan Pretty.
   4) Koh Kit Hin & Son, No. 28, Jalan Pretty.
   5) Yun Seng Supermarket, No. 84, Jalan Bunga Raya.
4. ASAM JAWA CHAP SINGA — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : — Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. SAYOR TANGHUN BERKATI — $4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:— Foo Hap Siang, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KACHANG TANAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   1) Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   2) Chop Siong Yick, No. 54, Jalan Bunga Kuning.
3. TELOR MASIN — $1.00 tiga biji boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   1) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   2) Soon Kheng, No. 50, Jalan Bunga Kuning.
4. ASAM JAWA CHAP SINGA — 50 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : — Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.

# Projek Luahan

Dari muka 3

Peluang2 yang di-tawarkan kapada pelateh2 yang berjaya sa-telah menamatkan kursus mereka ia-lah bekerja di-pehak2 swasta dalam bidang pertanian atau pun memasoki projek penempatan kerajaan. Awang Aji telah memileh tawaran kedua bersama-sama dengan rakan2 yang lain di-satu kawasan yang di-sediakan dan di-kenal dengan Projek Pertanian Luahan ia-itu mengambil nama kampong yang berdekatan.

Pada masa ini Awang Aji memileki sepuloh ekar tanah di-tanami dengan rumput, sayoran dan perusahaan ternakan ayam daging. Beliau mempunyai 3,000 — 4,000 ekor ayam jenis daging dan berchita-chita untok meningkatkan hingga 10,000 ekor. Beliau juga berchita-chita untok mengusahakan ayam telor di-kampong-nya. Beliau mempunyai kedudokan kewangan yang baik yang di-simpan di-dalam bank yang mana di-gunakan untok membayar balek wang pinjaman kapada Kerajaan. Beliau juga mempunyai sa-buah truk pik-up untok menghantar hasil ladang-nya dan sa-buah kereta salon untok kegunaan sendiri.

Masa depan Awang Aji begitu penoh chabaran dan menguntongkan. Kejayaan beliau telah memboktikan bahawa latehan yang di-jalankan di-PLPS dapat di-jadikan sa-bagai satu chontoh yang baik yang mana termasok dalam skim latehan yang tersusun.

## tisari RTB nggu ini

SEJAK kebelakangan ini, kumpolan kugiran tanah ayer kian berchambah di-tubohkan di-sana sini. Radio Brunei dalam tahun 60an membawa ke70an, telah banyak mengeluarkan hasil2 rakaman dan banyak penyanyi2 tempatan berpeluang mengisikan ranchangan2 berupa hiboran. Tahun 80an kian merosot penyertaan penyanyi2 tempatan dan begitu juga kugiran2 ada yang tidak langsong kedengaran lagi. Alhamdulillah, dalam tahun 1981 ini, sudah sa-banyak 18 buah kugiran telah berdaftar di-Bahagian Melayu. Mungkin barangkali kualiti rakaman sudah dapat di-banggakan dengan ada-nya studio A (studio baru) di-peralatkan dengan alat2 moden yang boleh membuat rakaman dengan baik dan memuaskan. Di-harapkan kugiran2 tanah ayer yang belum pernah merakamkan persembahan mereka chuba2-lah membuat tempahan atau menghubongi penerbit-nya Zaini Md Yusoff.

**Kelihatan dalam gambar kumpolan pancharagam 'D'MUNIFICTION' di-pimpin oleh Abdul Ghani Haji Md Noor bergambar ramai di-Studio A sa-masa rakaman-nya di-buat baru2 ini.**







tak dengan Persidangan Agong Kesatuan Penyiaran Asia-Pasifik (ABU) di-Manila bulan September lepas, telah mempaparkan kehidupan puak ini yang serba yunik. Dari kesah2 permulaan hidup dalam hutan hingga-lah membawa kapada satu zaman baru yang membayangkan masa depan yang gemilang.

Filem dokumentari Punan ini akan di-tayangkan sekali lagi pada hari Jumaat, 23hb Oktober, 1981 kira2 jam 8.30 malam.

**MESKI pun puak Punan ini diam di-rumah panjang, tetapi mereka tidak dapat melupakan diam di-Sulap 'LAMIN TANA' (gambar atas) untok mendapatkan udara sejok dan ini merupakan tempat tinggal sementara.**

## *"DUA WAJAH DI-SATU POTRET"* — *Tajok sandiwara radio minggu ini*

KESAH khayalan dan impian untok menchapai sa-suatu hasrat kerap di-hajati oleh sa-tiap insan. Apa-tah lagi impian dan khayalan itu lahir dari perasaan muda-belia. Semua-nya ini ingin di-mileki, semua-nya ingin di-chapai. Demikian kita di-ketemukan dengan thema sandiwara radio minggu ini yang di-olah di-bawah tajok "DUA WAJAH DI-SATU POTRET", tulisan Rozimah A.B. Brunei.

Azman sa-bagai watak penggerak dalam sandiwara ini membayangkan sa-orang seniman berchita2 tinggi dalam bidang seni lukis. Di-mana lapangan ini menjadi inspirasi-nya untok melahirkan dalam bentok lukisan dengan apa yang di-pandang dan di-lihat-nya.

Dari alam fantasi penulis ini boleh melahirkan bibit2 kemesraan antara Azman dan Rohana. Tetapi kemesraan Azman dan Rohana ini di-ragui oleh Zakuan. Di-mana Zakuan mempunyai kekaseh bernama Rohani.

Wajah Rohana yang di-lukis oleh Azman mirip wajah Rohani ia-itu tunangan Zakuan. Tidak hairan-lah Zakuan merasa chemburu dan terasa terhina diri-nya, bila Zakuan sendiri mengambil keputusan bahawa Rohani bermain kayu tiga terhadap-nya.

Akibat Zakuan kurang menaroh keperchayaan diri-nya ini terhadap kesetiaan Rohani, menyebabkan hidup Zakuan terasa kekosongan kerana sangkaan-nya Rohani tunangan-nya itu sudah bertukar kaseh-nya kapada Azman. Lantas fikiran Zakuan rungsing dan ini-lah yang menyebabkan Zakuan menerima kemalangan jalan raya.

Di-sini putaran cherita yang di-bentangkan penulis sa-bagai Dua Wajah Di-Satu Potret ketika pertemuan antara Azman, Rohana, Zakuan dan Rohani di-rumah sakit.

Apa-kah hasil pertemuan ke-empat2 watak itu. Siapa-kah sebenar-nya Rohana yang menjalin kemesraan dengan Azman ? Siapa-kah pula Rohani yang di-sangsikan Zakuan itu ?

Untok mengetahui kesemua perjalanan cherita ini, di-persilakan awda peminat dan pendengar sandiwara radio mengikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada hari Ahad 25hb Oktober, 1981 jam 12.00 tengah hari.

Sandiwara radio minggu ini akan di-terbitkan oleh Jamilah Abdullah.



**GAMBAR menunjokkan sa-masa lakunan di-buat, di-mana pendokong2 watak-nya hampir tergelak ketawa untok menghidupkan watak masing2, begitu rasa untok menghidupkan cherita 'DUA WAJAH DI-SATU POTRET'.**

## Peluang2 Awda belajar dari siaran radio

JANGAN tunggu lama-lama, nanti lama-lama kita juga dua kali lima. Kerana itu rengan-rengankan-lah hati mengikuti salah satu dari begitu banyak ranchangan2 yang berchorak pelajaran yang di-siarkan oleh radio tiap-tiap hari.

Andai-nya program belajar bacha muqaddam tidak menarek hati anda ikuti-lah pelajaran Bahasa Inggeris. Andai-nya ranchangan itu bikin mata anda mengantok, ikuti pelajaran Mari Sembahyang. Dan kalau itu bukan pilehan anda, boleh ikuti pelajaran memasak. Jika ranchangan itu membosankan boleh ikuti pelajaran zikir, marhaban, main chator. Atau ikuti pelajaran bagaimana memajukan kedai sharikat kerjasama, atau bertani, pelihara ayam, sapi (ma'af belum ada pelajaran pelihara buaya) atau anda boleh ikuti pelajaran Sifat Dua Puloh atau belajar menguchap. Dan ada kala-nya beberapa kali dalam sa-tahun radio ada menyiarkan ranchangan2 khusus di-mana anda boleh mengikuti ranchangan kursus nikah kahwin, kursus rumah-tangga; bagaimana suami memberi nafkah zahir batin dan bagaimana pula seharus-nya isteri melayan suami bukan sahaja di-dalam rumah tapi hingga di-atas belakang unta. Jangan anda ketawa. Ini satu kenyataan yang serious.

Jika pada masa2 yang lalu radio itu di-katakan chuma pandai memberikan petua2 berchinta pada anak2 muda sahaja, tetapi hari ini peranan-nya ia-lah untok membangun bangsa, negara dan menegakkan shi'ar Islam. Lambang radio bukan lagi 'love affairs' si-orang muda tetapi laungan azan, talbiah dan takbir. Solat dan Siam.

Jika di-perhitongkan sudah tidak ada lagi maaf bagi kita kenapa kita tidak pandai mengaji kerana ranchangan belajar muqaddam sudah di-kenalkan di-radio hampir tiga tahun. Sekira-nya anda malas pergi ka-surau, madrasah atau masjid belajar muqaddam anda boleh belajar muqaddam di-rumah sambil melimpang. Kerana pelajaran ini di-siarkan sa-tiap hari. Anda juga boleh mempelajari bahasa Inggeris tanpa keluar dari bumbung rumah anda. Pastikan saja waktu siaran ranchangan itu di-radio.

Soal-nya sekarang anda mahu belajar atau tidak mahu belajar. Dan masaalah-nya di-pehak radio pula ia-lah orang mahu mendengar atau pun tidak mahu mendengar. Kami sentiasa memikirkan-nya kenapa orang tidak mahu mendengar-nya. Tentu ada sa-suatu yang salah. Penyampaian-nya kurang baik, tidak menarek ? Ini ada-lah sentiasa menjadi perhatian kami. Dan segala keritik atau tegoran di-terima dengan segala senang hati. Di-sudahi dengan uchapan selamat mengikuti pelajaran2 di-radio. Jangan tunggu lama2 nanti kita juga dua kali lima.

## BBC man visiting Brunei

LISTENERS to the BBC's English-language World Service will have an opportunity to "meet the man behind the voice" when newsreader John Gordon pays his first visit to Brunei as part of a five-country tour.

During his five-day visit — October 23-27 — he plans to confer and exchange views with fellow-broadcasters, bring himself up to date with present-day life, and, of course, to meet as many listeners as time will permit.

He will be based in Bandar Seri Begawan.

John Gordon says he is especially interested to hear listeners' views on World Service programmes, in particular, the news and current affairs sequences. He is also keen to discuss with those on both sides of the microphone the particular problems and issues encountered in communicating with radio audiences.

BBC World Service is available in Brunei at various times of the day on short waves including 25.65 MHz (11.70 metres), 21.55 MHz (13.92m), 17.79 MHz (16.86m), 15.31 MHz (19.60m), 15.07 MHz (19.91m), 11.75MHz (25.53m) and 6.195 MHz (48.43m).

Certain World Service programmes are also included in Radio Brunei's daily transmissions.

From Brunei, John Gordon continues his tour with a visit to Hong Kong.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI:

- 6.00–6.02 pagi: Allah Peliharakan Sultan
- 6.02–6.30 pagi: Sinaran Wahyu
- 6.30–8.30 pagi: Dendang Suria, Bingkisan Hari Ini, Suntingan Hidayah, Peringatan Harian, Panduan Sokan, Bertutor Dalam Bahasa Inggeris
- 12.00–12.45 T/H: Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
- 7.30 malam dan 1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
- 6.00 petang: Siri Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib
- 10.15 malam: Bachaan Al-Kor'an
- 10.24 ,, Do'a Restu
- 10.29 ,, Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA:

- 7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
- 10.00 pagi
- 12.45 tengah hari
- 1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
- 5.30 petang
- 8.00 malam
- 8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
- 9.30 Berita Dunia dari BBC London.

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## SIARAN F.M. STEREO

**92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.**
**93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.**

## GELOMBANG SEDERHANA

**675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.**
**594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.**

### Hari Rabu 21hb. Okt.

PAGI:
- 8.30 Rimba Raya (SU)
- 8.45 Dendang Antarabangsa
- 9.00 Permintaan Pagi Rabu
- 10.15 Rampaian Joget
- 10.30 Surat Dari London
- 10.45 Riang Ria
- 11.00 Taman Mekar (SU)
- 11.30 Autograph Pendengar

T/HARI:
- 1.30 Persembahan-ku

PETANG:
- 2.00 Chitra Irama
- 2.30 Tahniah dan uchap selamat
- 3.15 Hiboran Petang
- 3.30 Bingkisan Hari Ini (SU)
- 4.00 Bangsawan di-udara
- 4.30 Dendang D. J. Dave
- 5.00 Serbanika Hiboran
- 5.45 Senandong Asli

MALAM:
- 7.00 Rangkaian Lama dan Baru.
- 8.30 Ruangan Kitani
- 9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 22hb. Okt.

PAGI:
- 8.30 Ruangan Kitani
- 9.00 Dendang Antarabangsa
- 9.30 Pilehan Pendengar
- 10.15 Lagu2 Jenaka
- 10.30 Rampaian London
- 10.45 Aneka Lagu
- 11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI:
- 1.30 Chitra-wara (SU)

PETANG:
- 2.00 Ira Renchana
- 2.30 Sandiwara Radio (SU)
- 3.15 Hiboran Petang
- 3.30 Panduan Pelajar
- 4.00 Tafsir Al-Koran
- 4.30 Majallah Ugama
- 5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
- 5.45 Irama di-senja.

MALAM:
- 7.00 Bachaan Surah Yassin
- 8.30 Bimbingan Al-Koran
- 9.00 Permintaan Sukaramai
- 9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 23hb. Okt.

PAGI:
- 8.30 Pertanian
- 9.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
- 9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
- 10.15 Soalan Di-Udara
- 10.30 Belia Mewakili Zaman-nya
- 11.00 Bimbingan Al-Kor'an (SU)
- 11.30 Lukisan Masharakat.

TENGAH HARI:
- 12.00 Lagu Dakwah
- 12.15 Bachaan Al-Kor'an Menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat
- 1.15 Qasidah/Nashid
- 1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG:
- 2.00 Majallah Ugama
- 2.30 Persembahan Gambus
- 3.15 Paduan Suara
- 3.30 Focus Radio
- 4.00 Cherpen dan Salokan
- 4.30 Langgam Suara
- 5.00 Ira Kenchana
- 5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM:
- 7.00 Lagu2 Rampaian
- 8.30 Kampong Terpuji (SU)
- 9.00 Majallah Ugama (SU)
- 9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 24hb. Okt.

PAGI:
- 8.30 Focus Radio (SU)
- 9.00 Riang Ria
- 9.15 Soalan Di-Udara (SU)
- 9.30 Pilehan Pendengar
- 10.15 Varia Peristewa
- 10.30 Rampai Sari
- 11.30 Hiboran Untok Kanak2

T/HARI:
- 1.30 LAGU2 Dari Filem
- 1.45 Rimba Raya

PETANG:
- 2.00 Permintaan Hujong Minggu
- 3.15 Aneka Lagu
- 3.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU)
- 4.00 Mutiara Asli
- 4.30 Chitra Irama
- 5.00 Rangkaian Lama dan Baru
- 5.45 Senandong Ria

MALAM:
- 7.00 Rampaian Malam
- 8.30 Cherpen dan Salokan
- 9.00 Irama Keronchong
- 9.15 Titian Budaya (SU)
- 9.45 Langgam Suara (SU)

### Hari Ahad 25hb. Okt.

PAGI:
- 8.30 Majallah Radio (SU)
- 9.00 Taman Mekar
- 9.30 Dunia Wanita
- 10.15 Titian Budaya
- 10.30 Senandong Seloka
- 11.00 Ruangan Ketani
- 11.30 Suara Kugiran

T/HARI:
- 12.00 Sandiwara Radio
- 12.30 Irama Gambus
- 1.00 Permintaan Dua Steshen

PETANG:
- 2.00 Kampong Terpuji
- 2.30 Gema Ria
- 3.15 Riang Ria
- 3.30 Mari Berpantun
- 4.00 Chitra-wara
- 4.30 Arena Sokan
- 5.00 Selayang Pandang
- 5.45 Irama di-senja.

MALAM:
- 7.00 Lagu2 Pilehan
- 8.30 Suara Parajurit
- 9.45 Bangsawan di-udara (SU)

### Hari Isnin 26hb. Okt.

PAGI:
- 8.30 Serbanika Hiboran (SU)
- 9.00 Dendang Antarabangsa
- 9.30 Pilehan Pendengar
- 10.15 Berdendang Dengan-ku
- 10.30 Sains dan Perusahaan
- 11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI:
- 1.30 Senandong Seloka (SU)

PETANG:
- 2.00 Kenangan Mengusik Jiwa (SU)
- 2.30 Permintaan Jiran Tetangga
- 3.15 Rampaian Joget
- 3.30 Panduan Pelajar
- 4.00 Bingkisan Tanah Ayer
- 4.30 Pertanian (SU)
- 5.00 Komintar Radio
- 5.15 Periang Hati
- 5.45 Lagu2 nasehat.

MALAM:
- 7.00 Selayang Pandang
- 8.30 Permintaan Sukaramai
- 9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 27hb. Okt.

PAGI:
- 8.30 Suara Perajurit (SU)
- 9.30 Permintaan Kaum Wanita.
- 10.15 Irama Hindustan
- 10.30 Rampaian London
- 10.45 Lagu2 Jenaka
- 11.00 Autograph Pendengar (SU)
- 11.30 Dunia Wanita (SU)

T/HARI:
- 1.30 Lukisan Masharakat (SU).

PETANG:
- 2.00 Ku Sampaikan Salam
- 3.15 Gema Silam
- 3.30 Panduan Pelajar
- 4.00 Suara Kugiran (SU)
- 4.30 Belia Mewakili Zaman-nya (SU)
- 5.03 Varia Peristiwa
- 5.15 Sayu dan Merdu
- 5.45 Senandong Senja.

MALAM:
- 7.00 Persembahan ku
- 8.30 Permintaan Sukaramai
- 9.45 Senandong Malam.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

- 8.00 Talk: Aimiable Vegetable by Fritz Spiegl; Morzart: Madamina f rom Don Glovanni; Debussy: Fêtes (Nocturnes)
- 8.45 Beethoven: Symphony No. 5 movement 1 and 2
- 9.30 Rinsky-Korsakov: The Young prince and the young princess (Scheherazade); Flute music played by James Galway

### Thursday

P.M.
- 8.15 Hello Tomorrow
- 8.45 Perspective
- 9.00 In Latin Mood: Los Indios Tabajaros
- 9.30 Story Time: Napoleon and Josephine "The Glory Fades"

### Saturday

P.M.
- 8.15 Hits In Germany
- 8.45 Frank Muir Goes Into: "Games"
- 9.30 Top Of The Pops.

### Monday

P.M.
- 8.00 Dateline
- 8.45 Up The Belait Without A Paddle
- 9.30 Thirty-Minute Theatre "Come Back Mary Brown by Abgela Sewell"

### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.
- 8.15 Just For You
- 8.30 Radio Newsreel
- 9.00 Rock Line
- 9.30 Stereo Pop Special U.F.O. Side 1

### Daily

A.M.
- 7.00 BBC and Local News
- 7.15 Musical Hour
- 8.15 Radio Newsreel
- 11.00 Ladies At Eleven — except holidays
- 12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.
- 8.30 Radio Newsreel
- 9.15 News.

### HOLIDAYS — Friday

A.M.
- 11.00 Practical World
- 11.15 Light Music from Netherlands
- 11.30 Children's Half Hour
- 12.00 Soundtrack of the Sixties

P.M.
- 12.45 My Music
- 1.15 BBC Sports Magazine
- 8.15 My Music (repeat)
- 8.45 International Money Programme
- 9.00 Strictly Instrumental
- 9.30 Stringsound

### Sunday

A.M.
- 11.00 Ideas as they come
- 11.15 BBC Beautiful Music
- 11.30 World of Books
- 12.00 Frank Muir Goes Into: "Games"
- 1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.
- 8.00 34th Edinburgh International Festival Literary Event Prog. 5
- 8.45 World of Education
- 9.00 Hot Questions Cool Replies
- 9.30 Science Pop.

## MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

# Kemajuan sa-sebuah kampong terletak pada anak2 buah-nya

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar menegaskan bahawa kemajuan dan perkembangan sa-sebuah kampong dan mukim itu terletak di-bahu anak2 kampong sendiri untok mengusahakan-nya bukan sahaja terletak kapada penghulu2 dan ketua2 kampong.

Ini kata-nya, sudah menjadi tanggong-jawab dan hak anak2 kampong untok berbuat demikian dalam mengusai dan membisaikan kampong masing2 dengan mengadakan berbagai-bagai kegiatan atau aktiviti untok kesejahteraan dan kedamaian sa-sebuah kampong itu.

"Maju mundor, burok baik nama sa-sebuah kampong itu ada-lah terletak dan menjadi tanggong-jawab bagi sa-tiap pendudok kampong yang tinggal dalam sa-sebuah kampong tersebut," ujar Dato Paduka Haji Abdullah.

### TEGORAN2 BAIK

Dato Paduka Haji Abdullah menegaskan demikian ketika memberikan taklimat kapada lebeh daripada 30 orang pendudok2 Mukim Kota Batu yang mengikuti siri taklimat anjoran Bahagian Penerangan Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini pada hari Khamis 15hb. Oktober yang lepas.

Menurut Dato Paduka Haji Abdullah, memang tidak dapat di-nafikan bahawa ada sa-tengah2 penghulu-penghulu dan ketua2 kampong tidak dapat bergerak dengan lebeh aktif pada memajukan sa-sebuah kampong itu bagaimana pun dengan ada-nya tegoran2 yang baik dan berfaedah dari anak2 kampong semua kemajuan kampong itu akan dapat di-jalankan dengan jaya-nya.

"Sekira-nya penghulu2 dan ketua2 kampong lemah dalam mentadbir atau menguruskan kampong-nya tetapi dengan ada-nya semangat kerjasama dan inisiatif dari anak2 kampong sendiri maka penghulu2 dan ketua2 kampong itu akan bangun dan bangkit bersama-sama dengan anak2 kampong-nya untok mengusahakan kebajikan kampong mereka," kata-nya dengan penoh harapan.

### BERDAMPING RAPAT

Maka untok itu, Pegawai Daerah telah menyeru anak2 kampong supaya sentiasa membimbing, menunjok ajar dan berdamping rapat dengan penghulu2 dan ketua2 kampong dalam menjalankan sabarang aktiviti2 yang berfaedah baik dari segi sosial mahu pun kemasharakatan demi untok kebajikan dan kesejahteraan hidup kampong masing2 dari semasa ka-semasa.

Menyentoh dengan tugas dan tanggong-jawab penghulu2 dan ketua2 kampong, Pegawai Daerah itu sa-lanjut-nya menjelaskan bahawa tugas mereka ada-lah sangat mustahak dan berat kerana mereka bekerja sa-lama 24 jam dalam sa-hari.

Walau bagaimana pun, kata-nya lagi, ini tidak-lah bermakna yang penghulu2 dan ketua2 kampong tidak boleh keluar dari rumah masing2 tetapi ia-lah mereka sentiasa bekerja bila2 masa di-kehendaki oleh anak2 kampong dalam menyelesaikan sa-barang masaalah dan kesulitan yang di-hadapi oleh pendudok2 kampong.

"Tugas penghulu2 dan ketua2 kampong tidak kira sambat malamari, pagi petang dan malam yang mana apabila di-kehendaki mereka sedia untok di-hubongi oleh anak2 kampong-nya," Kata Pegawai Daerah itu sa-terus-nya.



PEGAWAI Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar.

# PERTIMBANGAN PERMOHONAN2 TANAH2 DEPOSIT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Tanah, Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin menjelaskan bahawa dari tahun 1980 hingga 1981 jumlah permohonan tanah deposit yang di-hadapkan kapada kerajaan ia-lah berjumlah 169 tetapi yang telah di-ambil ketetapan ia-lah sa-jumlah 87 permohonan.

### DI-LULUSKAN

Dari jumlah tersebut, kata-nya, 67 permohonan dari Daerah Brunei dan Muara telah di-ambil ketetapan dalam mana 36 permohonan telah di-luluskan dan 31 yang lain-nya di-tolak. Sementara bagi Daerah Tutong, tambah-nya, 10 permohonan di-ambil ketetapan, sembilan di-luluskan dan satu permohonan di-tolak.

Awang Hj. Mohammad telah menjelaskan demikian ketika memberikan taklimat kapada pendudok2 Mukim Kota Batu di-majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini pada hari Khamis lepas.

Menurut-nya, antara aspek-aspek yang dapat di-bayangkan oleh pehak berkuasa membuat pertimbangan proses sa-umpama ini, ia-lah meneliti samada pemohon2 itu mempunyai tanah2 yang lain di-samping mungkin tapak2 yang di-pohonkan itu terlibat dalam ranchangan projek2 kerajaan.

Dalam hubongan ini, kata-nya lagi, Jabatan Tanah sa-chara pentadbiran akan memberi kesempatan kapada pemohon2 sa-demikian supaya menchari tapak lain untok di-hadapkan bagi pertimbangan sa-bagai ganti tapak asal yang di-ketahui akan di-kehendaki oleh kerajaan.

Perkara2 lain yang berhubong dengan proses permohonan tanah ini, jelas-nya, ada di-antara pemohon2 itu telah meninggal dunia dan dalam hubongan ini juga, kata Awg. Haji Mohammad, Jabatan Tanah juga memberi kesempatan kapada waris2-nya untok menggantikan nama pemohon asal itu dalam hal2 waris-nya yang terdiri dari anak dan isteri si-pemohon.

### PERMOHONAN

"Jadi kalau kebetulan Pengiran2 dan tuan2 mempunyai permohonan2 tanah yang belum di-selesaikan dan tidak mendapat khabar dari mana2 Jabatan Tanah Daerah sa-elok-nya-lah Pengiran2 dan Tuan2 berjumpa di-Pejabat Tanah dengan membawa bokti-bokti mengenai permohonan itu kerana sa-bagaimana kita ketahui ada di-antara fail2 permohonan ini telah hilang," ujar-nya.

Berhubong dengan tanah deposit ini juga, Awang Haji Mohammad menjelaskan bahawa kerajaan tidak-lah berura2 untok membukakan per-



Awang Haji Mohammad

mohonan2 baru bagi tanah tersebut kerana terdapat banyak-nya permohonan tanah sa-belum tahun 1955 yang maseh belum dapat di-selesaikan.

### SKIM PERPINDAHAN

Walau bagaimana pun kata-nya, kerajaan dalam mengatasi kekurangan rumah dan orang yang tidak bertanah di-negeri ini telah pun melancharkan skim Ranchangan Perpindahan di-seluroh negeri sa-chara berperengkat2 yang di-kelolakan oleh Jabatan Perpindahan.

Di-samping itu, tambah-nya, pada satu2 perengkat terdapat skim2 khas sa-chara kechil2an yang di-kelolakan dan di-selaraskan oleh Jabatan Tanah sendiri ia-itu saperti apakala pendudok2 di-Kampong Kiulap terlibat kawasan-nya untok membena hospital baru mereka telah di-benarkan oleh kerajaan bagi berpindah ka-satu tapak dan pada perengkat itu dulu mereka hanya di-benarkan sa-chara TOL.

"Dan kemudian-nya baru2 ini kerajaan telah mengambil beberapa buah rumah di-kawasan berdekatan Istana Darussalam dan mereka ini telah di-persetujui oleh kerajaan untok di-pindahkan ka-kawasan Kampong Mata2 dan kemungkinan-nya mereka akan di-berikan geran tanah tetapi chara pemberian tanah itu sabenar-nya maseh dalam pertimbangan pehak berkuasa," ujar Awang Haji Mohammad.

# Melanggar Undang2 kawalan kawasan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pesurohjaya Peranchang Bandar dan Negara, Awg Ibrahim bin Haji Mat Yassin menegaskan bahawa lebeh daripada 50 buah rumah di-kawasan sa-panjang Jalan Kota Batu telah di-dapati melanggar Undang2 Kemajuan Kawalan Peranchang Bandar dan Negara 1972.

Rumah2 berkenaan, kata-nya, di-bangunkan dengan tidak mendapat kebenaran bertulis dari Pehak Berkuasa Kawalan di-mana sa-bahagian rumah tersebut telah memperolehi bekalan letrik dan ayer dari saloran2 individu yang tidak bertanggong-jawab tanpa pengetahuan pehak2 tertentu dan dari Pehak Berkuasa Kawalan.

Awang Ibrahim menegaskan demikian ketika memberikan taklimat kapada pendudok2 Mukim Kota Batu yang mengikuti taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini baru2 ini seterus-nya berkata dengan ada-nya perbuatan demikian akan terjadi-lah beberapa masaalah dan kerumitan yang di-hadapi oleh pendudok2 kampong berkenaan.

"Pehak Berkuasa Kawalan yang bertanggong-jawab menjalankan arahan2 dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tentu akan menjalankan kuatkuasa Perentah Kawalan terhadap orang2 yang telah melanggar perentah tersebut," ujar-nya.

Awang Ibrahim berkata untok mengatasi kesulitan orang ramai di-kawasan berkenaan, Jabatan Peranchang Bandar dan Negara dengan inisiatif Pegawai Daerah Brunei dan Muara telah pun membuat ranchangan pertapakan kawasan perumahan2 sementara untok di-hadapkan kapada pehak yang berkenaan untok kebenaran.

Awang Ibrahim menjelaskan, satu daripada kawasan itu telah pun dalam perlaksanaan perengkat pelan tapak yang mungkin akan siap dalam dua tiga minggu lagi dan lepas itu akan di-hadapkan kapada pehak2 tertentu untok mendapat pengesahan.

### PERUMAHAN

Di-samping itu tambah-nya lagi, kerajaan pada mengatasi kesulitan2 yang di-hadapi oleh orang ramai telah pun membuat persiapan perpindahan sa-chara besar2an di-seluroh negeri sa-chara berperengkat2 melalui Jabatan Perpindahan.

Dalam pada itu, kata-nya, kerajaan juga telah meluluskan beberapa kawasan perumahan bagi orang2 yang terlibat dengan projek2 kerajaan.

"Pelan2 lengkap bagi dua buah kawasan telah di-sediakan untok kawasan Kampong Serasa dan Kampong Mata2 yang masing2 di-luluskan dalam tahun 1979 dan 1980 dan kini sedang di-laksanakan dan skim Kampong Serasa kini dalam perengkat awal penimbusan tanah dan penyediaan tapak sementara perengkat pertama Skim Kampong Mata2 akan siap untok di-diami dalam waktu yang sengkat," tegas-nya.

Pelan2 pertapakan peranchangan lengkap untok kawasan perumahan orang ramai, jelas-nya juga telah di-sediakan di-kawasan2 lain termasok Skim Perumahan Jalan Gadong yang telah di-luluskan oleh Kerajaan dan peng-



Awang Ibrahim

ukoran topografi awal-nya akan di-mulakan.

Terdahulu dalam taklimat-nya, Awang Ibrahim menjelaskan bahawa Jabatan Peranchang Bandar dan Negara bukan-lah bertanggong-jawab terhadap kawasan2 yang telah di-istiharkan sa-bagai mana yang di-anggap oleh orang ramai, tetapi jabatan tersebut hanya-lah menjalankan tugas2 tertentu bagi pehak Berkuasa Kawalan.

Apa yang di-kesalkan kata-nya, sa-bilangan orang ramai tidak mengindahkan perentah tersebut di-samping tidak mengindahkan tegoran2 serta arahan2 dari pehak berkuasa, jelas-nya orang ramai senghaja tidak berkerjasama dengan pehak kerajaan.

"Kerjasama raayat di-negeri ini ada-lah sangat2 mustahak bagi apa2 jua projek kerajaan apa-tah lagi Negeri Brunei pada masa ini menuju ka-arah 1983. Ranchangan Kerajaan makin bertambah pesat," ujar-nya.

Untok itu beliau berharap orang ramai bersabar ka-atas ranchangan2 berkenaan kerana sa-tiap ranchangan memerlukan masa yang di-gunakan untok penyiasatan dan proses yang tertentu.




LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

# PERKASA MENGANJORKAN PERLAWANAN BOLASEPAK TUJOH SA-PASOKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kampong Saba (PERKASA) akan menganjorkan tiga kejohanan bolasepak tujoh orang sa-pasokan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun.

Kejohanan2 tersebut ia-lah bagi perlawanan umor 16 tahun kebawah, 20 tahun kebawah dan umor yang tidak terhad. Dan ianya di-anjorkan hanya terbuka kapada kampong2, kelab2 dan persatuan2 belia yang tinggal di-Kampong Ayer sahaja.

Bagi perlawanan 16 tahun kebawah, pasokan2 yang ingin menyertai-nya hendak-lah mengemukakan pemain2-nya yang lahir pada 1hb. Januari 1965 ka-atas. Sementara bagi umor 20 tahun kebawah pula ia-lah mereka2 yang di-lahirkan pada 1hb. Januari 1961 ka-atas.

BAYARAN MASOK

Bayaran bagi memasoki ketiga2 kejohanan tersebut ia-lah $10.00 bagi umor 16 tahun kebawah, $15.00 bagi 20 tahun kebawah dan bagi umor tidak terhad bayaran masok ia-lah $20.00.

Borang2 serta butir2 lanjut mengenai dengan perlawanan2 berkenaan boleh di-dapati sekarang dari Awang Ismail bin Hj. Zainal di-Jabatan Bandaran; Awang Lakim bin Tinggal di-Pejabat Undang-undang; Awang Ali Osman bin Salleh di-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam; Awg. Hussin bin Seruddin di-Pejabat Letrik; Awg. Abu. Bakar bin Kassim di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dan Awang Sharbini bin Haji Ibrahim di-Pejabat Perjawatan.

Borang2 yang telah di-isikan beserta dengan bayaran-nya sekali hendak-lah di-kembalikan kapada nama2 yang berkenaan tidak lewat hari Isnin 30hb. Nobember, 1981.

Pengerusi sokan Perkasa, Awg Hussain bin Seruddin menjelaskan bahawa kejohanan bagi umor 16 dan 20 tahun kebawah itu ada-lah kali ketiga ianya di-anjorkan dan bagi perlawanan yang tidak dihadkan umor-nya beliau berkata ia-nya pertama kali di-adakan oleh persatuan itu.

KEJOHANAN

Beliau menambah kata bahawa ketiga2 kejohanan tersebut akan di-jalankan sa-chara kalah mati dan sa-barang kechederaan tidak akan di-tanggong oleh pehak penganjor.

Awg. Hussain sa-terusnya berkata bahawa sa-tiap pasokan yang ingin memasoki perlawanan bagi umor 16 dan 20 tahun kebawah itu mesti-lah mendaftarkan sa-ramai lapan orang pemain dan 10 orang pemain bagi perlawanan yang tidak di-hadkan umor-nya.

Dan sa-tiap pemain2, tambah-nya, di-kehendaki membawa bersama kad pengenalan atau surat2 keterangan yang sah ketika sa-barang perlawanan hendak di-jalankan.

Pemain2 yang telah di-daftarkan dalam borang2 yang di-sediakan oleh pehak penganjor, tidak boleh di-ubah kapada nama2 yang lain semasa perlawanan hendak di-adakan.

Ada-lah di-fahamkan bahawa perlawanan tersebut di-adakan semata-mata bertujuan untok meninggikan taraf permainan bolasepak bagi pendudok2 yang tinggal di-sekitar Kampong Ayer di-samping sa-bagai salah satu achara sokan bagi memeriahkan lagi Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun ini.

# J.K.R. dan W.I. johan Peraduan Zikir DBP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan akhir zikir dan berzanzi sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun telah di-langsongkan di-Dewan Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada hari Sabtu yang lepas.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Kelas Zikir Dewan Bahasa dan Pustaka kali yang ke-empat itu di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu bahagian lelaki dan perempuan.

Dalam bahagian lelaki tempat pertama telah dimenangi oleh Pasokan Zikir Jabatan Kerja Raya, Bahagian Ayer, kedua ia-lah Pasokan Kelas Zikir Kampong Pandai Besi "A" dan pemenang ketiga ia-lah Pasokan Kelas Dewasa Ugama dan Kor'an Persatuan Kebajikan Muafakat Kampong Burong Pingai Ayer.

Sementara dalam bahagian perempuan pula, Pasokan Pertubohan Perkumpolan Perempuan (WI) telah munchol sabagai johan, naib johan di-sandang oleh Pasokan Persatuan Kebajikan Penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan ketiga ia-lah Pasokan Kelas Kor'an Surau Kampong Pancha Delima.

Manakala bahagian peraduan berzanzi, Dayang Zainab bte Haji Md Salleh telah munchol sa-bagai johan, kedua ia-lah Dayang Aisah bte Mustapha dan ketiga Dayangku Salbiah bte Pengiran Mat Salleh.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Pesurohajaya Kemajuan Kerjasama, Awang Mahmud bin Haji Bakyr.





JOHAN bahagian lelaki (atas) dan johan dalam bahagian perempuan dalam peraduan Zikir anjoran DBP.

# *Mashuarat jawatankuasa Peraduan Lalu-lintas Shell*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Mashuarat Jawatankuasa Peraduan Lalu Lintas Shell, bagi sekolah2 rendah perengkat Daerah Brunei dan Muara telah berlangsong pada hari Isnin lalu, 13hb, Oktober bertempat di-Bilek Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka, di-Ibu Negeri.

Mashuarat tersebut ada-lah sa-bagai lanjutan mashuarat yang telah lalu, dan di-pengerusikan oleh Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Sa-bagaimana yang difahamkan bahawa tujuan mashuarat ini di-adakan ia-lah bagi menyusun ator chara pertandingan tersebut yang di-anjorkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei.

Sa-banyak 29 buah Sekolah akan menyertai pertandingan ini dan pemilehan telah di-adakan pada 14hb. Oktober lalu di-kawasan Balai Pulis, Bandar Seri Begawan ia-itu bagi memileh 10 buah pasokan untok Perengkat Daerah yang akan di-adakan pada hari Sabtu 31hb. Oktober mulai jam 8.30 pagi bertempat di-kawasan bekas Balai Polis lama Bandar Seri Begawan.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin, Pengarah Perubatan dan Kesihatan Brunei di-jangka akan membuka rasmi pertandingan tersebut.

Pertandingan perengkat sa-negeri akan di-adakan pada 8hb. Nobember 1981 di-tempat yang sama. Thema pertandingan bagi tahun ini ia-lah "Sabar Puncha Keselamatan."

# Memberseh kubor

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 100 orang pendudok Kampong Tanjong Nangka dan kawasan sekitar-nya telah mengadakan kerja2 membersehkan tanah perkuboran orang2 Islam di-Batu 12 Jalan Tutong di-sini pada hari Jumaat 16hb Oktober lepas.

Projek tersebut di-anjorkan ada-lah sa-bagai projek tahunan kampong tersebut dan ianya telah di-anjorkan oleh ahli2 jawatankuasa Kampong Tanjong Nangka. Sementara perkakas2 yang di-gunakan dalam kerja2 tersebut disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

# Kejohanan badminton

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kebajikan Kampong Sengkurong di-Daerah Brunei dan Muara akan menganjorkan Kejohanan Badminton bagi tahun 1981 yang hanya terbuka kapada pendudok2 di-kawasan Mukim Sengkurong.

Perlawanan tersebut di-bahagikan kapada lima bahagian dalam bahagian perseorangan dan berpasangan ia-itu kejohanan terbuka lelaki; terbuka perempuan; terbuka lelaki 18 tahun ka-bawah dan berpasangan dan terbuka 35 tahun ka-atas (lelaki) serta terbuka berpasangan lelaki dan perempuan (Bergu Champoran).

Sharat2 bagi memasoki perlawanan itu ia-lah tiap2 peserta hendak-lah warga negara Brunei dan di-lahirkan di-Mukim Sengkurong atau pun yang sudah tinggal enam bulan dari tarikh pendaftaran dibuka.

Bayaran bagi memasoki kejohanan itu bagi bahagian Terbuka Lelaki dan lelaki veteran ia-lah $5.00 perseorangan dan $8.00 bagi berpasokan. Manakala bahagian lelaki 18 tahun ka-bawah dan terbuka perempuan ia-lah $3.00 bagi perseorangan dan $6.00 bagi berpasokan. Sementara bayaran masok bagi kejohanan bergu champoran lelaki 18 tahun berpasangan ia-lah $6.00.

Borang2 serta butir lanjut mengenai dengan kejohanan itu boleh di-dapati sekarang dari Awang Mohd Ali bin Abd Hamid, Sekolah Persediaan Inggeris, Sengkurong atau Awang Haji Untong bin Abd Rahman, Sekolah Melayu Sengkurong, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada mereka tidak lewat dari 30hb Oktober, 1981.

# Battalion Pertama juara b-tampar

BERAKAS KEM. — Pasokan Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei telah munchol sa-bagai juara bola tampar dalam perlawanan akhir antara Yunit2 Pasokan AMDB yang telah berlangsong di-Gimnasium Perkhemahan Berakas di-sini pada hari Khamis 8hb. Oktober yang lepas.

Dalam perlawanan akhir itu, Pasokan Battalion Pertama telah mengalahkan Pasokan Battalion Kedua, Perkhemahan Tutong dengan kedudokan mata 15 berbalas sembilan.

Perlawanan yang di-anjorkan oleh pasokan tersebut ada-lah merupakan projek tahunan bagi pasokan itu pada meninggikan lagi mutu permainan bola tampar di-negeri ini. Dan sa-banyak 11 buah pasokan telah mengambil bahagian di-kejohanan itu.

Hadiah2 kapada pemenang2 di-akhir perlawanan telah di-sampaikan oleh Pemerentah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Bragdier Duncan Cameron.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI KETUA TEKNIK DI-JABATAN TALIKOM

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang sesuai untok memenohi jawatan KETUA TEKNIK di-Jabatan Talikom, Brunei.

**Kelayakan2 Utama :**

Mempunyai sekurang2-nya 12 tahun pengalaman dengan sa-sebuah pertubohan perkhidmatan Talikom atau pembuat alat2 talikom, yang mana sekurang2-nya 5 tahun daripada tempoh tersebut ada-lah dalam sa-suatu jawatan di-perengkat penyelia membuat kerja2 yang bersangkut paut dengan jawatan yang di-pohonkan.

Mempunyai Sijil Juruteknik Talikom atau pun lain2 kelulusan yang sebanding dengan-nya ada-lah merupakan satu kelebehan.

**Lain2 Kelayakan :**

Pengetahuan bahasa Melayu ada-lah di-kehendaki tetapi tidak semesti-nya.

**Had Umor :**

Sekurang2-nya 35 tahun. Had umor maksima bergantong kapada kesihatan.

**Jawatan2 dan Tugas2:**

1) **Pemeliharaan Kabel Bawah Tanah :**
Bertanggong-jawab bagi pemeliharaan rangkaian kabel2 bawah tanah sama ada di-kawasan Timor atau Darat Brunei. Bertanggong-jawab bagi kerja2 menguji dan menchari kerosakan serta menyimpan rekod2 kabel. Rankaian kabel ini sedang ditukar daripada jenis "lead/paper" kapada jenis "Plastic sheathed fully filled cable."

2) **Peranchangan Kabel :**
Bertanggong-jawab bagi kerja2 peranchangan sachara berbutir terhadap sekim pembahagian talipon para pengguna menurut arahan sa-orang jurutera kerja.

3) **Pemasangan Talipon :**
Mengawal sa-chara keselurohan kerja2 membekalkan talipon termasok-lah talipon2 jenis "secretarial sets" dan "extension" disalah satu daripada dua kawasan di-dalam negeri. Meranchangkan jadual kerja harian bagi jurugegas (fitters) dan mengatorkan anggaran kerja2 pemasangan talipon serta memereksa kerja yang dibuat itu.

4) **Pemeliharaan Alat2 Talipon Para Pengguna :**
Mengawal sa-chara keselurohan para pekerja (faultsmen) di-sesuatu kawasan, mengawal kerja2 membaiki talian talipon para pengguna dan menyelia pusat aduan kerosakan talipon.

5) **Penguasa Bengkel :**
Mengawal sa-chara keselurohan sa-sebuah bengkel pusat bertanggong-jawab bagi kerja2 pemeliharaan dan membaiki kenderaan2, alat2 teleprinter dan alat2 talipon para pengguna.

**Tangga Gaji :**

C.3 EB.4—$1735-1795-1855-1915-1980 / E B / 2035 - 2095-2155-2215-2280.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan ditawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa iri tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Nobember, 1981.

(E/396/79—Bil : 161/1981)

## SA-BAGAI TEKNIK KANAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TEKNIK KANAN di-Jabatan Talikom, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai sama ada : —

a) Sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam kerja2 talikom ia-itu membuat salah satu daripada tugas2 yang tersebut di-bawah ini:—
   i) Penanaman dan penyambongan kabel.
   ii) Pembenaan dan pemeliharaan "Overhead."
   iii) Pemasangan dan pemeliharaan alat2 kelengkapan pengguna.
   iv) Pemeliharaan alat RAX.
   v) Pemeliharaan kenderaan.

ATAU

b) Jika pengalaman dalam kerja2 sa-demikian itu ada-lah kurang daripada 10 tahun, chalon2 mesti-lah mempunyai Sijil City and Guilds dalam mata-pelajaran yang berkenaan dengan talikom serta mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam penyeliaan kakitangan.

**Tangga Gaji :**

C. 2 EB. 3 — B$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615 - 1685 / E B / 1735-1795-1855-1915-1980.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan **bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.**

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Nobember, 1981.

(E/1023/76)

(Bil : 164/1981)

## TENDER NOTICE

### RE-TENDER FOR SPRAY PAINTING BOOTH INSTALLATION, WORKSHOP EXTENSION FOR RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Contractors or Specialist or Local Agent of Manufacturers up to 12.00 noon, 24th November 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked cleadly "RE-TENDER FOR SPRAY PAINTING BOOTH INSTALLATION, WORKSHOP EXTENSION FOR RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ m.s. Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 28th October 1981 onwards during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderers.

The Tender Deposit shall be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Contractor or Specialist or Local Agent of Manufacturers.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Brunei Shell Petroleum Co, Ltd.

### INVITATION TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. **TENDER No. EPS/240/81**
   **CATEGORIES 9, 16 & 32**
   Erection of pipe rack support across sungai at G7.
2. **TENDER No. EPS/245/81**
   **CATEGORIES 9 & 32**
   Lowering 7 pipelines from a depth of 4 ft. to 6 ft at Jalan Dua entrance to SSU Yard, Kuala Belait Tanjong.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

### MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi

1. **BILANGAN TAWARAN : EPS/240/81**
   **KATEGORI 9, 16 & 32**
   Mendirikan tiang rak paip seberang sungai di-G7.
2. **BILANGAN TAWARAN : EPS/245/81**
   **KATEGORI 9 & 32**
   Merendahkan batang2 paip daripada 2 kaki ke-6 kaki di-Jalan Dua, masok ka-pekarangan SSU, Tanjong, Kuala Belait.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## Brunei Shell Petroleum Co, Ltd.

### INVITATION TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. **TENDER No. EPS/185/81**
   **CATEGORIES 4, 9 & 32**
   Provision of services, equipment and manpower for general maintenance, minor construction works and emergency repairs to Pipelines, pipe facilities and services in Seria Field, Badas, Lumut, Rasau Field and Kuala Belait up to the Brunei/Sarawak Border.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

### MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi

1. **BILANGAN TAWARAN : EPS/185/81**
   **KATEGORI 4, 9 & 32**
   Menyediakan perkhidmatan, peralatan dan juga tenaga buroh untok perkhidmatan pemeliharaan umom, kerja2 pembenaan sederhana, memperbaiki dengan serta merta untok paip2, kemudahan2 paip dan juga perkhidmatan2 kawasan yang berkaitan, Badas, Lumut, Kawasan Rasau serta Kuala Belait sa-hingga ka-sempadan Brunei/Sarawak.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Prayer hall for Masjid Omar Ali Saifuddin — Sh Nahrizam — $499,597.50 — 3 months.

2 Supply of crusher-run stone to Jalan Kechil Keramut and Jalan Bukit Beruang — Chop Bee Seng — $135,000 — 2 months.

3 Construction of RC drains in Kerma Negara area, KB — Sh Fardini — $460,186.50 — 15 months.

4 Construction of link road at Mile 4, KB — Sh Tutong — $222,948 — 6 months.

5 Construction of drainage system for Repeater Station, Jerudong — Abd Ghani bin Hj Tengah — $25,800 — 3 months.

6 Supply of pipes (No 26/81) — Mechmarine (B) Pte Ltd — $16,709.

7 RBMR supply of glasses—Ply Mat Trading Co—$9,465.90 — for one year.

8 Electrical installation, Artillery Regiment Complex, Penanjong Cantonment—Guthrie (B) Sdn Bhd—$3,391,281.50.

9 Floodlighting Brunei National Stadium—Lee Seng Kwang Elec Co — $2,276,834.10.

10 Temporary Cargo Building, Brunei International Airport — Borneo Buildings — $1,881,508.96.

11 Air conditioning, Administration Block, Police Hqtrs — Guthrie Sdn Bhd — $476,006 — 52 weeks.

12 Electrical installation, 748 Complex — Lee Jong Elec Co — $50,780.

13 Electrical installation, Muara Telephone Exchange — Friendly Elec Co — $64,916 (in line with main contract).

14 Electrical installation, GE workshop & stores, Bolkiah Camp — Lee Jong Elec Co — $111,631.

15 Lift installation, Operations Building — Kwek Eng Co — $120,000.

16 Water filteration system, OPD, New Hospital — Hai Ou Co — $111,917.27.

17 Supply of stationery etc to Religious Department — Borneo Printers & Trading — $56,855.

18 Electrical installation, Kg Kupang mosque — Kwek Eng Co — $10,722.

19 Electrical intallation, Kg Sengkurong religious school — Tav Elec Co — $85,838.75.

20 Electrical installation, Officers' Mess, Penanjong Cantonment — Hj Sulong Elec Eng Pte Ltd — $940,850.49.

21 Water filteration system, Sports Complex, New Hospital— Environ Pte Ltd — $244,041.

22 Electrical and air conditioning, Guardroom, Fire Station etc., Berakas Camp — Lee Jong Elec Co — $254,361.

23 Air conditioning, Muara Telephone Exchange — Guthrie Sdn Bhd — $86,702.70.

24 Electronic scoreboard for National Stadium — GEC Pte Ltd — $4,206,664.

25 Construction of double leaf collapsible gates, State Stores — Jan Sea Lan Ironworks — $15,975 — 6 weeks.

26 Repairs and redecoration of Customs Building, Jalan Kota Batu — Terra Firma Const Co — $7,850 — 2 months.

27 Repairs and redecoration of Fire Brigade buildings, Jalan Tutong — Terra Firma Construction Co — $45,400.

28 Construction of bridge at Sg Melikai, Ulu Belait — Pemborong Perusahaan Buse — $26,200.

29 Supply of uniforms for Municipal Board BSB — M Rashid & Co at $27,480 for workmanship and $6,068 for materials.

30 Proposed Armoured Reconnaisance Squadron Hqtrs, Penanjong Cantonment — Wong Hee Kee Const Co Ltd – $9,504,353.66.

31 Air conditioning proposed Ammunition Depot, Penanjong — Paramount (B) Pte Ltd — $596,361.60.

32 Contract No JUA 10 — survey of Kg Pandan — United Survey Consultants — $60,000 — 6 weeks.

33 Electrical installation, Sports Complex, New Hospital — Southern Elec Co — $144,799.

34 Air conditioning, Flight Kitchen extension — Borneo Air Con Co — $287,216.80.

35 Supply of stainless steel items — Mc Harris United — $86,998.

36 Supply of non specialist paint — Low San Hardwares — $353,187.93.

37 Supply of specialist wood — Mc Harris United—$726,498.

38 Supply of plastic name plates — World Advertising Service — $11,943.20.

39 Supply of straps, joints etc (No. 48/81) —
George Kent (S) Pte Ltd — $11,104
Asia Metals Pte Ltd — $ 7,750

40 Supply of goods (No 25/81) — Amirul Enterprise — $39,547.80.

41 Supply of belts and buckles to Customs Department — Phong Ying Trading Co — $33.00 per set — 45 days.

42 Electrical installation, Flight Kitchen — Southern Elec Co — $463,800.

43 Air conditioning, Security Dog Unit — Marsee & Co — $88,533 — 30 weeks.

44 Supply of rubberised cork sheets (No 49/81) — Popular Motor Co — $16,600.

45 Cable trenching, Lurong 14, Seria — Chung Kok Fao Contractor — $43,522.50.

46 Class 'C' and 'G' qtrs at Penanjong Camp — Sharikat Tutong — $8,969,402 — 24 month.

47 Air conditioning cold rooms and refrigeration temporary cargo building, BIA — Marsee & Co — $202,736 — 16-24 weeks.

48 Carpeting Lapau, BSB — New World Sheikh Mohamed — $67,669.04.

49 Supply of Flygt pump (No 43/81) — Brusia Corporation — $51,987.58.

50 Supply of pipes etc (No 41/81) — Zainal Association Co—

51 Supply of hand cleanser and floor wax (No 40/81) —
hand cleanser — Cito Associates – $14.00 per 3kg tin
floor wax — Pernas Sime Darby — $11.10 per 2kg tin

52 Electrical installation, Fisheries Field Station, Muara — Cheng Kong Elec Co — $17,669.

53 Construction of secondary school at Bangar — Sung Lee & Chu Const — $649,604 — 9 months.

54 Air conditioning GE Workshop and Stores, Bolkiah Camp — Plessey (B) Ltd — $32,393 — 6 months.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI TUKANG KAYU TINGKAT II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TUKANG KAYU TINGKAT II di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

a) Pemohon2 mesti-lah ber-umor tidak kurang dari 20 tahun dengan mempu-nyai pengalaman praktikal sa-lama lima tahun sa-bagai Tukang Kayu Pera-hu.

b) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu atau pun yang sebanding dengan-nya, tetapi kelulu-san yang rendah akan di-terima bagi pegawai2 yang lebeh tua dalam perkhid-matan Kerajaan.

c) Pemohon2 mesti-lah bo-leh : —

i) Menyediakan lukisan2 kerja bagi membuat dan membaiki perahu motor sangkut, kero-sakan2 tamuai dan kapal2 penumpang ke-chil yang pechah.

ii) Menyediakan anggar-an bagi kayu, bahan2 dan alat2 yang di-per-lukan di-atas.

d) Pemohon2 mesti-lah mem-punyai pengetahuan yang baik mengenai jenis2 ka-yu, alat2 dan benda2 un-tok ikat mengikat yang bukan di-buat dari besi yang di-gunakan dalam membena kapal2 kechil dan perahu2 bagi di-guna-di-perayeran Brunei.

e) Pemohon2 hendak-lah che-kap dalam menjalankan dan menggunakan perkakas berkuasa letrik.

f) Chalon2 akan di-berikan ujian pertukangan untok menilai kebolehan sa-bagai sa-orang Tukang Kayu Pe-rahu.

g) Chlon2 yang berjaya mes-ti-lah bersedia untok ber-tugas di-mana2 bahagian di-negeri ini.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/630-540-560.

Sa-scorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 dengan permo-honan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Okto-ber, 1981.

E/1824/76)

(Bil : 163/1981)

## TENDER NOTICE

No. 14/1981

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT BRUNEI

1. TENDERS are invited from local contractors who have registered with the Telecom-munication Department and have either the A or B Re-gistration Class.
2. The said tenders are for excavating Trench in grass verge, sealed footway, sealed roadway. Laying of Duct and constructing of M/H at 1st Flotilla Base, Muara.
3. Tenders should be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon 26th October, 1981. Ten-ders received after the said time and date will be rejected.
4. Tenders should be submit-ted in a plain sealed envelope marked : —

TENDER FOR CONS-TRUCTING OF MAN-HOLE AND LAYING OF DUCT AT 1ST FLOTILLA BASE.

bearing no indication of the name of the tenderer.

5. Further details of the ten-der can be obtained from the office of the Director of Tele-communications at Jalan Is-tana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a de-posit of $300.00. The said deposit is refunded to all un-successful tenderers provided that the tender documents are returned in good condition to-gether with the receipt of the deposit. The tender deposit will be forfeited from any ten-derer who fails to submit a tender or fails to return the Tender Document.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED RBMR STABLES, BERAKAS CAMP

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'B' and above Electrical Contractor up to 12.00 noon, 27th Octo-ber 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be re-jected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLA-LATION FOR PROPOSED RBMR STABLES, BERA-KAS CAMP."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ M.S., Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 30th Sep-tember 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender de-posit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce docu-mentary evidence that he is a Class 'B' and above Electrical Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

1981.

## PUSAT LATEHAN TEKNIKAL BRUNEI

**PLTB CERTIFICATE IN STRUCTURES**

APPLICATIONS are being invited for admission to the above course, commencing on 2nd November 1981. This is a day-release course. Attendance will be one full day per week. The duration of the course is two years.

Entry Requirements : (i) Applicants must be the subjects of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan;

(ii) Applicants must be working in the Structural Engineering field;

(ii) Applicants must have completed their secondary education. Pre-ference will be given to those who obtain credit in Mathematics and/or Physics or Engineering Science at GCE 'O' Level.

Subjects Studies : (i) Design and detailing of struc-tural elements;

(ii) Structural Theory and Calcula-tions;

(iii) Materials

(iv) Construction.

As this is a day-release course and all applicants are expected to be in employment no allowance is payable.

Application forms are available from the Organiser of Technical Education, Education Department or Principal Pusat Latehan Teknikal Brunei.

Closing date of applications is 25th October, 1981.

## Sa-bagai Penolong Penjalan Jentera Pengorek

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENO-LONG PENJALAN JEN-TERA PENGOREK di-Jaba-tan Kerja Raya, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Mempunyai pengalaman se-kurang2-nya dua tahun sa-ba-gai perintis dalam pengendali-an jentera pengorek hydraulic berat/loader bagi kedua2 jenis beroda berantai yang mana sekurang2-nya dua tahun da-lam tempoh itu hendak-lah menjalankan kerja2 precision canalling and ditch cutting.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permo-honan-nya melalui Ketua Ja-batan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Nobem-ber, 1981.

(E/1342/80)

(Bil: 166/1981)

## TENDER NOTICE

PROPOSED FORCE M.T. COMPLEX FOR THE RBMR, BOLKIAH CAMP, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Ten-ders Board, Brunei from the Registered Public Works De-partment Contractor Class 'A' for the above mentioned works up to 12.00 noon, 3rd Novem-ber, 1981 (Tuesday).
2. Tender documents consist-ing of Bills of Quantities and ⅛" scale working drawing can be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek, Chartered Architects. 406, Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tender do-cuments will not be issued to any tenderers after 27th Octo-ber 1981.
3. All other detailed drawings are displayed and can be ex-amined at the said office.
4. The tender deposit will be Brunei $10,000.00 (Dollars Ten Thousand Only) in the form of a "Cashier's Order" issued by a Bank, made pay-able to the Government of Brunei. The said deposit will be refunded to all unsuccess-ful tenderers upon receipt of a bona fide tender and return of deposit receipt and tender drawings to the Architect's office. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit a bona fide tender or fails to return the Tender Documents to the Architect's office before the closing date.
5. The tender deposit will NOT be refunded to the suc-cessful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant projet vote.
6. Prior to the issue of the tender documents each ten-derer will be required to : —

(1) produce documentary evidence that he is a P.W.D. registered Class "A" contractor;

(2) produce a letter from his bank (the said bank being a well known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted, the said bank will furnish him with a banker's guarantee (in the sum of approximate-ly B$1,300,000.00) in accordance with the Conditions of Contract.

7. Tenders must be submit-ted on the Tender Form toge-ther with the Bills of Quan-tities provided and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Brunei, Secre-tariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 3rd Novem-ber 1981 (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.
8. Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderer and shall be marked clearly:—

"TENDER FOR THE PROPOSED FORCE M.T. COMPLEX FOR THE RBMR, BOLKIAH CAMP, BRUNEI."

9. Our Client, the Govern-ment of Brunei, does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Ketua Jururawat Pengajar

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai KETUA JURURA-WAT PENGAJAR di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempu-nyai kelayakan S.R.N. dan S.C.M. dari United Kingdom atau kelayakan yang seban-ding dan mesti-lah juga mem-punyai Diploma Pengajar Ke-tua Jururawat.

Chalon2 hendak-lah mem-punyai sekurang2-nya bebera-pa tahun pengalaman meng-ajar di-Sekolah Latehan Juru-rawat.

Kebolehan bertutor dalam Bahasa Melayu ada-lah meru-pakan satu kelebehan.

Berumor di-bawa 40 tahun.

**Tugas2 :**

Chalon2 akan membantu lain2 Ketua Pengajar Juru-rawat untok mengajar penun-tut2 dan Jururawat2 Pelateh serta pembantu2 Hospital di-Sekolah Latehan Jururawat.

Gaji permulaan B$1975 sa-bulan dalam tangga gaji :

M. 11. — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 / EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kon-trek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji se-telah genap menamatkan tem-poh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah men-jalani satu tempoh perchuba-an.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kena-kan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb Nobem-ber, 1981.

(E/87/56 — Bil : 165/1981)

## TENDER NOTICE

1) TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Buildings, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'AX' and above Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 27th October 1981 for the : —

PROPOSED EARTHFILL-ING TO 66KV SUB-STATION AT JALAN MUARA.

2) Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

3) Tender documents may be inspected and obtained from the office of Jurutera Tempat-an, Unit 7, Block F, 1st Floor, Jefri Bolkiah Building, Seri Complex, Mile 1½, Jalan Tu-tong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 15th October 1981 during normal office hours.

4) No tender drawings and documents will be issued after 4.30 p.m. on Thursday Octo-ber 22, 1981.

5) Tenders shall be submit-ted only on the Tender Form and enclosed in envelopes pro-vided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelope.

6) The Tender Deposit of B$500.00 shall be in the form of Bank Draft made payable to the Government of Brunei which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and on the return of tender documents and drawings in good condition.

7) Before being provided with tender documents, ten-derers will be required to :

a. Prove that they are re-gistered Class 'AX' Con-tractor with the Public Works Department, Bru-nei.

b. Submit a Banker's let-ter of guarantee of sup-port for the whole of this contract and proof that they can produce a security deposit with a registered bank in Bru-nei in the sum of B$50,000.00 (Brunei Dollars Fifty Thousand).

8) The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

SUPPLY, DELIVERY AND PLACING IN POSITION OF LOOSE FURNITURE FOR THE GYMNASIUM AND SWIMMING POOL AT RBMR FLOTILLA BASE, MUARA

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Ten-ders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Bega-wan, Brunei up to 12.00, noon on Tuesday 27th October 1981 for : —

SUPPLY, DELIVERY AND PLACING IN PO-SITION OF LOOSE FURNITURE FOR THE GYMNASIUM AND SWIMMING POOL AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT FLOTILLA BASE, MUA-RA.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders are to be placed in a sealed envelope bearing no indication of the name and address of the tenderer, mark-ed clearly "TENDER FOR SUPPLY, DELIVERY AND PLACING IN POSITION OF LOOSE FURNITURE FOR THE GYMNASIUM AND SWIMMING POOL AT THE ROYAL BRUNEI MA-LAY REGIMENT FLOTIL-LA BASE, MUARA."
4. Tender Documents may be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2, Chartered Architects, Room 406, Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Jalan Kianggeh, Ban-dar Seri Begawan, during nor-mal working hours.
5. The Tender Deposit will be $500.00 which will be re-fundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to sub-mit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.
6. Tenders shall be submitted only on the Form of Tender provided.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEGAWAI ASRAMA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berbahasa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah untok di-lantek sa-bagai PEGAWAI ASRAMA di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan berikut:—

i) Sijil Rendah Pelajaran Ugama, Brunei.

ii) Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

iii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dengan lulus mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun dan mempunyai pengalaman dalam kerja2 mengawal penuntut di-asrama.

c) Hendak-lah tahu menulis dan membacha Jawi.

d) Hendak-lah pandai membacha Kor'an dengan baik.

e) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari lima tahun serta mempunyai pengalaman dalam mengawal penuntut2 di-asrama boleh-lah di-pertimbangkan.

**'Am :**

Chalon yang berjaya untok memenohi jawatan tersebut hendak-lah bersedia berkhidmat di-mana2 daerah di-negeri ini.

**Tangga Gaji :**

D. 3-4 EB. 5-6 — $720-755-790-825-860 - 900 - 980 - 1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175/EB / 1200-1230 - 1260 - 1290 - 1320-1350-1380-1410.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Nobember, 1981.

(E/1257/75 —
Bil : 167/1981)

## TENDER NOTICE

### PROPOSED 7 NOS. TOWER FOUNDATION AT JALAN MUARA, PASIR PUTEH AND PANAGA

1) TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Buildings, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'AX' and above Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 3rd November 1981 for the : —

PROPOSED 7 NOS. TOWER FOUNDATION AT JALAN MUARA, PASIR PUTEH AND PANAGA.

2) Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

3) Tender documents may be inspected and obtained from the office of Jurutera Tempatan, Unit 7, 1st Floor, Jefri Bolkiah Building, Seri Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 22nd October 1981 during normal office hours.

4) No tender drawings and documents will be issued after 4.30 p.m. on Thursday October 29, 1981.

5) Tenders shall be submitted only on the Tender Form and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelope.

6) The Tender Deposit of B$500.00 shall be in the form of Cashier's Cheque to the Government of Brunei which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of bona fide tender and on the return of tender documents and drawings in good condition.

7) Before being provided with tender documents, Tenderers will be required to :

a. Prove that they are registered Class 'AX' and above Contractor with the Public Works Department, Brunei.

b. Submit a Banker's letter of guarantee of support for the whole of this Contract and proof that they can produce a security deposit with a registered bank in Brunei in the sum of B$50,000.00 (Brunei Dollars Fifty Thousand)

8) The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT, BRUNEI
### TENDER NOTICE 15/1981

1. TENDERS are invited from local Contractors who have registered with the Telecommunications Department and have either the A, B or C Registration Class.

2. The said tenders are for Excavating Trench in grass-verge, sealed Roadway, Laying Buried cable, installing underground Lead in Cabinet No. 1 area Muara exchange 1st Flotilla, Base.

3. Tenders should be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon 5th November, 1981. Tenders received after the said time and date will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked : —

TENDERS FOR CABINET No. 1 MUARA EXCHANGE 1ST FLOTILLA BASE AREA.

bearing no indication of the name of the tenderer.

5. Further details of the tender can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of B$500.00. The said deposit is refunded to all unsuccessful tenderers provided that the tender document are returned in good condition together with the receipt of the deposit. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to return the tender document.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### STATE STORES AND SUPPLIES DEPARTMENT TENDER NOTICE
### No. 68/1981

TENDER are invited for the Annual Contract 1982 for the supply of the following Water Treatment Chemicals:—

A. CALCIUM CARBONATE CaCO3
B. ALUMINIUM SULPHATE
C. LIQUID CHLORINE TO BS. 3947:1976

Tender documents may be obtained from the office of the Controller of Government Stores, State Stores and Supplies Department, Jalan Gadong on payment of a tender deposit of $1,000.00 (Dollars One Thousand Only). This deposit will be refunded in full to unsuccessful tenderer after the award of the tender is known.

Tender closes on Tuesday 12.00 noon 3rd November, 1981.

## Sa-bagai Tukang Masak

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TUKANG MASAK di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 lelaki atau perempuan mesti-lah berumor tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau Restoran.

b) Pemohon2 hendak-lah di-sertakan bersama2 dengan surat2 akuan jika ada.

u) Pemohon2 ada-lah di-kehendaki menjalani Ujian Memasak nanti.

d) Mereka yang mempunyai Sijil City and Guilds 855 daripada Pusat Latehan Teknikal dan mempunyai pengalaman memasak makanan Melayu, China dan Inggeris ada-lah satu kelebehan.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki bertugas di-Kompleks Rumah Sakit Umom Baharu di-Kiulap.

**Tangga Gaji :**

E.1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Nobember, 1981.

(E/445/72 — Bil: 169/1981)

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 143 OF 1981

FRESH Tenders will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th October, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF VARIOUS STRUCTURES AT PROPOSED CAR PARK AND PADANG BETWEEN JALAN STONEY AND JALAN PEMANCHA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 144 OF 1981

FRESH Tenders will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th October, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF 2 BLOCKS CLASS 'F' TEACHERS' FLATS FOR SEKOLAH MELAYU SULTAN HASSAN, BANGAR, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 145 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th October, 1981 for : —

THE SUPPLY OF CRUSHER-RUN STONES FOR A PERIOD OF ONE YEAR TO ROAD MAINTENANCE SECTION, P.W.D., BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 146 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd November, 1981 for:—

PROPOSED DEMOLITION AND RE-CONSTRUCTION OF REINFORCED CONCRETE BRIDGE AT SUNGAI TUNGKADEH ALONG JALAN KUMBANG PASANG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 147 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei, up to 12 noon on 3rd November, 1981 for:—

PROPOSED CONVERSION OF TELECOMS EQUIPMENT ROOM TO DIPLOMATIC SERVICE OFFICES, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 148 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd November, 1981 for:—

SEWER DIVERSION TO SETIA USAHA KERAJAAN'S BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 149 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd November, 1981 for:—

CLEANING AND REPAIR WORKS TO MUSEUM AT KOTA BATU, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 150 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd November, 1981 for:—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 30 UNITS TIPPER TRUCK 7 TON PAYLOAD CAPACITY.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 151 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd November, 1981 for : —

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 6 UNITS FLAT TOP TRUCK 5 TON PAYLOAD CAPACITY.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 152 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd November, 1981 for : —

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 4 UNITS FLAT TOP TRUCK 2½ TON PAYLOAD CAPACITY.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 153 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd November, 1981 for : —

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 6 UNITS PICKUP TRUCK 2 TON PAYLOAD CAPACITY.

Tender documents may be seen and all particulars obtain at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 154 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd November, 1981 for : —

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 4 UNITS PICKUP TRUCK 4X4 1 TON PAYLOAD CAPACITY.

Tender documents may be seen and all particulars obtain at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 155 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd November, 1981 for : —

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 1 UNIT COMPLETE ROCK CRUSHING AND SCREENING PLANT 100 TON CAPACITY.

Tender documents may be seen and all particulars obtain at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 156 OF 1081

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 3rd November, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF PILING WORKS AND PILE CAPS TO PROPOSED EXTENSION TO SECRETARIAT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan Brunei.

## TENDER NOTICE

### TAILORING CONTRACT FOR GURKHA RESERVE UNIT AND TEMPAT ORANG TAHANAN, JERUDONG, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 1200 hours Saturday 7th November, 1981 for the tailoring of Uniforms for the Gurkha Reserve Unit and Tempat Orang Tahanan, Jerudong for 12 months, from 2nd February, 1982 : —

2. Tenders received after 12.00 noon on Saturday 7th November, 1981 will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelopes marked "TENDERS FOR GURKHA RESERVE UNIT AND TEMPAT ORANG TAHANAN TAILORING CONTRACT."

4. Details of Uniforms and specimen contract forms may be obtained from the office of the QM — Gurkha Reserve Unit at Serusup Camp, Berakas Road, Bandar Seri Begawan during normal working hours.

5. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICE

### SERIAL No. 62/1981
### AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade 'A' and 'B' air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 1st December, 1981 for the : —

PREVENTIVE MAINTENANCE OF CHRYSLER AIR CONDITIONING EQUIPMENT IN BRUNEI GOVERNMENT BUILDINGS FROM 1 JANUARY, 1982 TO 31 DECEMBER, 1982.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Preventive Maintenance of Chrysler Air Conditioning Equipment in Brunei Government Building.'

4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# LAWATAN PEGAWAI2 MAJLIS UGAMA ISLAM S'WAK KA-BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 9 orang pegawai Majlis Ugama Islam Sarawak (MUIS) telah pulang pada hari Ahad lepas, sa-telah mengadakan lawatan rasmi sa-lama lima hari ka-sini dalam rangka meninjau perkembangan dan kemajuan ugama Islam di-negeri ini.

Lawatan Pegawai2 MUIS ini ada-lah ekoran dari lawatan bekas Ketua Menteri (kini menjadi Yang Dipertua Negeri) Sarawak, Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub suatu masa dulu, yang tertarek hati dengan pentadbiran, aktiviti dan penyebaran dakwah oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Termasok dalam rombongan MUIS itu ia-lah Yang Dipertua MUIS, Datuk Haji Mohd. Fauzi bin Haji Abdul Hamid (selaku ketua rombongan), Mufti Negeri Sarawak, Datuk Haji Abdul Kadir bin Hassan dan Residen Bahagian Kelima, Haji Shamsuddin bin Ahmad Buang.

KEGIATAN PELAJARAN

Sa-masa berada di-sini, mereka telah di-atorkan dengan berbagai2 lawatan ka-tempat2 tertentu yang ada hubongan-nya dengan perkembangan dan kemajuan Islam di-negeri ini. Dalam meninjau kegiatan pelajaran, mereka telah di-bawa melawat tiga buah institusi pendidekan ugama yang ketiga2-nya terletak di-Batu 1, Jalan Tutong.

Di-hari kedua lawatan mereka, rombongan tersebut telah membuat lawatan ka-Muzium dan ka-Makam Sultan Bolkiah di-Jalan Kota Batu. Sa-lepas itu mereka meneruskan pula lawatan-nya ka-masjid Kampong Tanah Jambu dan Masjid Mohammad Bolkiah, Serusop di-mana mereka telah sama2 berjemaah untok menunaikan sembahyang Jumaat.

Di-samping mengadakan lawatan2, rombongan MUIS itu juga telah membuat kunjongan kehormatan kapada Pemangku Menteri Besar, YAB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj. Abdul Aziz, di-pejabat-nya.

ACHARA PENTING

Bagaimana pun, achara penting dalam lawatan mereka itu ia-lah menghadhiri majlis taklimat dan dailoq dengan pegawai2 Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang di-adakan di-dewan majlis itu, di-hari kedua mereka di-sini.

Tempat terakhir lawatan mereka ia-lah ka-Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada hari Sabtu lepas. Di-sini, rombongan MUIS itu telah mendengar taklimat sengkat dari Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Sa-belum mereka meninggalkan negeri ini, satu majlis perpisahan telah di-adakan pada malam Ahad lepas, dengan achara-nya sembahyang maghrib berjemaah di-Surau Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan sa-terus-nya makan malam.



PEGAWAI2 MUIS ketika menjunjongi Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

## Gunakan lesen 'plate' yang betul

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-lah menjadi kesalahan dari segi undang2 pemandu2 dan pemilek2 kereta persendirian yang memandu dan menggunakan kereta2 yang mempunyai lesen2 kereta yang tidak mengikut sharat yang termaktub dalam Undang2 Lalulintas Jalanraya.

Menurut Pegawai Penguasa Lalulintas, ASP Awg. Haji Seruji bin Sukor ketika di-temui oleh pehak PELITA baru2 ini mengatakan bahawa pada masa ini terdapat banyak tuan2 punya kereta yang menggunakan lesen2 kereta tidak menurut saperti yang di-kehendaki dalam undang-undang.

Mengikut dalam Undang-Undang Lalulintas 1954, Reg. 56, bahawa pemandu2 hendak-lah menentukan yang "Registration Plate" kereta mereka yang sebenar-nya ia-lah hurof2 atau angka2 tersebut hendak-lah berukoran 3½" tinggi dan sa-tiap hurof atau angka itu pula mempunyai tebal ⅝ inchi.

Huruf, ini juga hendak-lah berwarna puteh aluminium dan bukan-nya diperbuat dari chermin saperti apa yang terdapat di-kebanyakan kereta2 sekarang. Manakala warna tanah-nya pula mesti-lah berwarna hitam.

BOLEH DI-DENDA

Kapada pemandu2 dan pemilek2 kereta yang tidak mengikut peratoran ini ada-lah melanggar undang-undang lalulintas jalanraya dan mereka boleh di-kenakan denda sabanyak $100 bagi kesalahan pertama dan sa-banyak $200 pada kesalahan kedua dan boleh di-kenakan penjara sa-lama tiga bulan.

Pada masa ini pehak Pulis sedang giat menjalankan tindakan ka-atas kereta2 yang maseh mempunyai lesen yang menyalahi undang2 dan mereka yang di-dapati salah telah pun di-ambil tindakan.

Sementara itu pehak pulis juga memberi ingatan terhadap penggunaan jalanraya empat lorong. Pemandu2 kereta ada-lah sentiasa di-galakkan untok menggunakan lorong sabelah kiri ketika memandu di-kawasan ini. Lorong sa-belah kanan hanya-lah di-gunakan jika pemandu ingin hendak memotong kenderaan lain atau pun jika hendak membelok kasebelah kanan saja.

## JUALAN BERAS TEMPATAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Setor2 dan Perbekalan Negara kini sedang menjual beras tempatan kapada peniaga-peniaga beras di-negeri ini.

Menurut Pengawal Setor2 Kerajaan, Awang Haji Yahya bin Haji Haris harga bagi saguni yang berat-nya 220 paun ia-lah $104.50.

Pengawal Setor2 Kerajaan itu juga menetapkan harga jualan runchit bagi tiap2 sagantang ia-lah $4.00 di-Daerah Brunei-Muara; $4.05 bagi Tutong dan Muara dan $4.10 bagi Temburong, kuala Belait dan Seria.

Beliau berkata oleh kerana jumlah beras tempatan itu terhad, jualan kapada peniaga2 ada-lah berdasarkan sa-puloh peratus daripada Quota Beras Thai yang telah di-benarkan, ia-itu sa-tiap 10 guni beras Thai di-beli satu guni beras tempatan mesti-lah juga dibeli.

Beras tempatan ini tidak disimpan di-Gudang Kuala Belait dan mana2 peniaga beras di-kawasan itu yang ingin untok membeli-nya boleh-lah berhubong terus ka-Jabatan tersebut.

## Jemaah haji selamat pulang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan pertama jemaah haji Brunei telah selamat kembali ka-tanah ayer pagi semalam sa-telah selesai menunaikan fardhu haji.

Mengalu2kan ketibaan jemaah2 haji tersebut di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ia-lah YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain dan lain2 pegawai kanan kerajaan.

Menurut sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama, jadual ketibaan jemaah yang lain ada-lah tidak berubah. Rombongan kedua akan tiba esok, 22hb Oktober, penerbangan ketiga pada hari Ahad, 25hb. Oktober dan penerbangan ke-empat pada hari Selasa, 27hb. Oktober.

## Sambutan sangat menggalakkan

Dari muka 1

Turut memberikan uchapan di-majlis itu termasok-lah Penasehat Perdagangan BSP, Awang Barry Ross dan Pengerusi PPSB, Ak. Haji Zaini bin Pg. Haji Kamaluddin.

Projek Sains yang di-anjorkan oleh Persatuan Pendidekan Sains Brunei ini, telah mendapat sambutan yang menggalakkan di-mana pada tahun ini, kata Pengerusi-nya, sa-banyak 240 buah projek Sains telah di-pertandingkan dengan melibatkan kira2 600 orang penuntut. Bagaimana pun, daripada itu, hanya 13 buah bagi SMA, 11 buah bagi SMR dalam aliran Inggeris dan sa-buah projek Sains dari aliran Melayu berjaya memasoki pertandingan perengkat akhir.

Menurut-nya lagi, mutu projek Sains yang di-pertandingkan pada tahun ini boleh di-katakan lebeh baik daripada tahun2 yang telah lalu.

Penyiasatan tentang kandongan Vitamin C di-dalam buah2an dan sayor2an tempatan, projek Sains yang dibuat oleh Lam Yen Lin, Siu Chien Puan dan Lim Man Ting dari Sekolah Saint Andrew's telah berjaya mendapat tempat pertama bagi Sekolah Menengah Atas dalam aliran Inggeris. Pemenang ini di-samping menerima chek dan sijil juga mendapat tambang perchuma untok melanchong ka-Singapura yang di-berikan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Manakala, Sekolah Saint James's telah mendapat tempat pertama bagi Sekolah Menengah Rendah dalam aliran Inggeris. Sekolah ini telah mempertandingkan projek Sains-nya yang membuat perchubaan tentang pembiakan serangga dan chaching yang di-buat oleh Helen Lai Wei Ling, Delina Leong Wai Chan dan Fu Siew Yin.

Sementara dua buah projek Sains Sekolah Inggeris Berakas telah mendapat kedua dan ketiga dalam aliran Inggeris bagi Sekolah2 Menengah Rendah.

Bagi Sekolah2 Menengah Atas dalam aliran Inggeris pemenang kedua ia-lah projek Sains yang di-buat oleh Maktab SOAS dan projek Sains yang di-buat oleh Sekolah Inggeris Berakas pula memenangi tempat ketiga.

Dalam aliran Melayu, projek Sains tunggal mengenai 'Sistem Pembersehan Ayer' yang di-buat oleh penuntut2 dari MMPSBS/Sekolah Sains, Jalan Muara telah memenangi bahagian ini.

## Majlis perjumpaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis perjumpaan professional yang akan mencheramahkan 'Mengenai bahaya2 perkakas dapor dan penchegahan bahan2 kimia' akan di-adakan 25hb Oktober ini, jam 9.15 pagi bertempat di-Dewan Kuliah, Bangunan Peringatan Churchill.

Dua orang doktor dari Jabatan Pathologi, Singapura, Dr. Chao Tzee Cheng dan Dr. A.S. Sinnatamby, Pakar Perubatan di-Rumah Sakit Bandar Seri Begawan di-jangka akan memberikan cheramah-nya di-majlis itu.



## $14 ribu di-sumbangkan kpd Tabong Orang2 Chachat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tabong Derma Orang2 Chachat Negeri Brunei, pada hari Khamis lalu, telah menerima satu lagi sumbangan derma yang berjumlah $14,-200.00 dari Chawangan Udara Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-Perkhemahan Berakas.

Derma tersebut telah di-sampaikan kapada Ketua Pegawai Kebajikan Masharakat, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris, oleh isteri Pegawai Pemerentah Chawangan Udara, Puan Cheshire, dengan di-saksikan oleh Puan Ibrahim, Flight Quartermaster, Kaptain Taha bin Haji Mohd Yusof dan WO2 N'Neal (gambar kiri).

Sumbangan tersebut ia-lah hasil kutipan yang di-usahakan oleh chawangan itu sa-masa mengadakan kegiatan2 berjalan kaki sa-jauh 10 batu dan 60 batu dari Panaga di-Daerah Belait hingga ka-ibu negeri.

Pegawai2 dan anggota2 Chawangan Udara mengucbapkan ribuan terima kaseh kapada firma2, jabatan2 dan orang2 perseorangan yang telah menderma dengan sukarela dalam menjayakan kutipan bagi tabong tersebut.

Tabong Derma Orang2 Chachat juga telah menerima satu lagi sumbangan sa-banyak tujoh ribu ringgit, yang telah di-dermakan oleh Pasokan 2nd Own Gurkha Rifles yang berpengkalan di-Seria pada hari Rabu lalu.

Derma itu telah di-sampaikan oleh wakil pasokan itu kapada Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss ibni Al-Marhum Pg Temenggong Sahibul Bahar Pg Haji Mohammed.

Kesemua derma2 tersebut di-sumbangkan bersempena dengan Sambutan Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat di-Brunei.